



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3105]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3134]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Maksud B. 38 hingga B. 44 [Ruangan 3135]

Maksud B. 45 hingga B. 47 [Ruangan 3178]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Maksud P. 39, P. 40, P. 43 dan P. 44 [Ruangan 3135]

Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 [Ruangan 3178]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

.. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

.. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

.. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

.. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

.. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

.. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

.. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

.. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

.. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGII (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AII YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 28hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KEMAJUAN PERUSAHAAN KECIL

1. **Tuan Shamsuri bin Md. Salleh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak undang-undang dan peraturan Kerajaan Tempatan dan Negeri yang tidak menggalakkan kemajuan perusahaan kecil. Jika ya, sama ada beliau akan mengarah pihak-pihak berkuasa mengubah atau melonggarkan undang-undang dan peraturan-peraturan itu, dengan mengurangkan bayaran lesen yang sangat tinggi dan sebagainya, untuk membolehkan dan menggalakkan perkembangan perusahaan kecil yang memainkan peranan penting dalam ekonomi Negara kita.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejauh mana undang-undang Kerajaan Tempatan yang terlibat, saya tidak sedar bahawa undang-undang itu mengandungi peruntukan-peruntukan yang menghalang kemajuan-kemajuan industri-industri ringan. Dua undang-undang iaitu Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 telah lulus untuk membolehkan semua Penguasa-penguasa Tempatan mengatur aktiviti-aktiviti pembangunan sama ada dari segi fizikal, perdagangan atau perindustrian. Berdasarkan kepada undang-undang ini beberapa undang-undang kecil boleh dibuat dan undang-undang kecil ini biasanya tidak mengandungi

peruntukan-peruntukan atau peraturan-peraturan yang tidak menggalakkan kemajuan industri-industri ringan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

Berkenaan dengan lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Penguasa-penguasa Tempatan, satu kajian perbandingan telah dibuat oleh Kementerian dan mendapati bahawa bayaran-bayaran lesen yang dikenakan adalah terlalu rendah dan semua pengusaha-pengusaha berkeupayaan untuk membayarkannya. Ada juga terdapat pembayaran beberapa lesen telah dinaikkan tetapi kenaikan pembayaran ini mungkin telah dibuat untuk tujuan-tujuan kebaikan, misalnya untuk tidak menggalakkan industri-industri tersebut membesar di persekitaran pusat bandar dan menggalakkan industri-industri tersebut untuk membangun di luar pusat bandar.

Tuan Chan Teck Chan: Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menegaskan di Singapura iaitu betapa pentingnya menggalakkan perusahaan kecil di negara kita. Maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menimbang dan mengubah undang-undang yang berkenaan supaya perusahaan-perusahaan kecil yang dijalankan di dalam tapak kediaman ini boleh diizinkan? Jikalau dari segi keselamatan perkara ini tidak boleh dibenarkan, maka saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah langkah-langkah yang berkesan akan diambil untuk menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil di tapak-tapak yang kecil atau tapak-tapak kediaman.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kuasa Kementerian saya ialah untuk memberi kemudahan-kemudahan iaitu Kerajaan Tempatan menggalakkan industri-industri

atau perkara-perkara itu ialah daripada Kementerian yang lain.

PENDAFTAR KERETA-KERETA MOTOR ALOR SETAR

2. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar orang-orang awam pada lazimnya mengadu atas kelewatan mendapat penerangan-penerangan berkenaan dengan perkara-perkara pendaftaran kereta-kereta motor daripada Pendaftar Kereta-kereta Motor di Alor Setar dan kadang-kadang mengambil masa purata 3 bulan untuk mendapat jawapan dan apakah langkah-langkah beliau bercadang hendak ambil bagi memperbetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, tetapi ini tidaklah kerap berlaku. Jika berlaku adalah disebabkan kekurangan kakitangan dan bertambahnya bebankerja. Langkah-langkah yang diambil bagi mempercepatkan mendapat maklumat-maklumat yang dikehendaki ialah dengan menggunakan komputer dan persiapan bagi menggunakan komputer sedang dibuat.

PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI AMERIKA SYARIKAT/KANADA

3. **Puan Chow Poh Kheng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat dan Kanada dan apakah peringkat pengajian-pengajian yang mereka jalani.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, adalah dianggarkan seramai 3,000 orang pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Amerika Syarikat dan 1,000 orang pelajar Malaysia di Kanada yang belajar di dalam berbagai peringkat pengajian iaitu dari peringkat Sekolah Menengah Atas hingga ke peringkat Ijazah Lanjutan.

Satu perangkaan yang tepat tentang jumlah pelajar Malaysia yang sedang berada di kedua-dua buah negara ini tidak dapat diberikan oleh kerana pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar persendirian tidak mendaftarkan diri mereka di Kedutaan atau

Suruhanjaya Tinggi Malaysia di kedua-dua buah negara ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah memberitahu bahawa sukar untuk mendapat angka-angka yang sebenar kerana penuntut-penuntut ini tidak mendaftarkan diri dengan pihak-pihak yang berkenaan. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewajibkan setiap pelajar daripada Malaysia sebelum melanjutkan pelajaran ke Amerika dan Kanada supaya mereka itu mendaftarkan diri dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dahulu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya sukalah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu ini soal keadaan. Setakat ini Kementerian Pelajaran cuma berikan tajaan kepada empat buah negara iaitu Britain, Indonesia, Pakistan dan Bangladesh. Lain-lain negara ialah melalui Kedutaan atau Pesuruhjaya Tinggi yang ditempatkan di Kuala Lumpur. Jadi, pandangan daripada Ahli Yang Berhormat ini, kita masih memberikan pertimbangan.

Tuan Chan Teck Chan: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran berkata bahawa ada sebahagian pelajar-pelajar yang menuntut di seberang laut ini menuntut di peringkat menengah atas. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini, apakah sebabnya yang mengakibatkan sehingga pelajar-pelajar terpaksa pergi menuntut di peringkat menengah atas di seberang laut, adakah ini disebabkan kerana kekurangan peluang-peluang di Malaysia sendiri?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, oleh kerana kita katakan untuk pelajaran tidak ada batasan, jadi dari segi liberal, siapa hendak belajar keluar negeri, kita benarkan.

BEKALAN LETRIK DI BELANJA, PARIT

4. **Tuan Shamsuri bin Md. Salleh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu peruntukan berjumlah \$712,000 telah diluluskan oleh Kementerian beliau bagi pembekalan tenaga letrik di kawasan

Belanja Parit, Perak Tengah, tetapi sehingga hari ini, KED (Kinta Electrical Distributors), Ipoh masih belum melaksanakan projek ini, dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil supaya penduduk-penduduk di kawasan tersebut tidak akan menyalahkan wakil rakyat kawasan Parlimen mereka.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa peruntukan sebanyak \$712,000 telah dilulus oleh Kerajaan pada awal tahun 1978 untuk Rancangan Bekalan Letrik Luar Bandar bagi kampung-kampung berikut di kawasan pilihanraya Ahli Yang Berhormat dari Parit:

(i) Kg. Tua dan Kg. Nyior ..	\$199,506
(ii) Kg. Changkat Banjar ..	\$147,663
(iii) Kg. Tanjung Belanja ..	\$108,489
(iv) Sambungan Voltan Tinggi dari Parit ke Kg. Tua ..	\$256,800
Jumlah	<u>\$712,458</u>

Saya juga suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, banyak projek-projek yang telah dilulus di bawah Rancangan Malaysia Kedua terpaksa dibawa ke hadapan dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Tambahan pula sebagaimana Ahli Yang Berhormat ketahui bahawa banyak projek-projek baru telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga termasuk projek-projek dalam kawasan Parit. Jadi dengan adanya "back log" daripada Rancangan Malaysia Kedua pihak KED terpaksa mengambil masa bagi menyiapkan projek-projek itu. Inilah sebabnya projek-projek dalam kawasan Parit itu tidak dapat dilaksanakan lebih awal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KED adalah anak syarikat Perak River Hydro dan kedua-dua syarikat ini adalah merupakan syarikat swasta dan syarikat-syarikat ini menjadi milik Kerajaan Malaysia hanya mulai daripada bulan November, 1976 dan sekarang ini tindakan sedang diambil bagi memperkemaskan perjalanan syarikat-syarikat ini supaya benar-benar dapat menjalankan kerja-kerja termasuk pelaksanaan projek-projek bekalan letrik luar bandar dalam

kawasannya. Salah satu daripada tindakan bagi memperkemaskan ialah KED telah menambah dan memperkukuhkan Bahagian Projek Luar Bandar dengan menambah bilangan kakitangannya. Dengan penambahan bilangan kakitangan di Bahagian ini adalah diharap pelaksanaan projek-projek di kawasan KED akan dapat dipercepatkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Kg. Tua dan Kg. Nyior dan juga Kg. Changkat Banjar akan dapat dimula dan dilaksanakan dalam tahun 1979. Projek-projek ini tidak dapat dijalankan lebih awal sehingga selesai projek Kg. Sadang yang dijangka siap dalam bulan Disember 1978 ini. Begitulah juga halnya dengan projek Kg. Tanjung Belanja juga akan hanya dapat disiapkan pada akhir tahun 1979.

MAS/SIA—RUNDINGAN UDARA

5. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan memberi keterangan berkenaan perselisihan di antara MAS dan SIA mengenai perjalanan udara.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan mulut yang mempunyai maksud yang sama dengan soalan ini telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 21-11-78. Soalan ini telah saya jawab pada tarikh tersebut di Dewan yang mulia ini dan saya tidak hendak menambah apa-apa lagi kepadanya.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini dari tarikh 21hb November, 1978 hingga hari ini, adakah rundingan masih diteruskan untuk membincang dan menyelesaikan perselisihan faham di antara MAS dan SIA?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Dalam jawapan saya yang lepas telah saya beritahu bahawa rundingan ke 7 akan diadakan.

BLOOD COMPONENTS DAN PLASMA FRACTION

6. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kesihatan:

(a) membuat satu penentuan sama ada amalan biasa memindahkan semua darah kepada setengah-setengah pesakit itu merupakan satu bahaya;

- (b) membuat penentuan sama ada hasil penyelidikan moden menyokong amalan penggunaan "Blood Components" dan "Plasma Fraction" perlu bagi seseorang pesakit;
- (c) mengeluarkan senarai serta banyaknya (total quantities) tiap-tiap Blood Components dan Plasma Fractions yang digunakan oleh Hospital-hospital Kerajaan tiap-tiap tahun; dan
- (d) menyatakan berapa banyaknya Blood dan Plasma Fractions yang dibeli dari syarikat-syarikat perubatan luar negeri.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat iaitu pemindahan darah lengkap adalah tidak membahayakan pesakit-pesakit jika ujian-ujian yang perlu ke atasnya dijalankan terlebih dahulu untuk menentukan keselamatan pemindahan tersebut. Ujian-ujian ini adalah peraturan atau amalan biasa yang dijalankan ke atas semua penerima darah. Kegunaan darah lengkap (whole blood) sebenarnya menyelamatkan jiwa bagi pesakit-pesakit yang tenat keadaannya kerana terlalu banyak kehilangan darah.

(b) Penggunaan komponen-komponen plasma adalah berfaedah bagi kes-kes klinikal yang tertentu. Sebahagian besar pemakaian dari pembekalan komponen-komponen darah adalah bergantung kepada permintaan daripada Pakar-pakar Perubatan dan Pembedahan yang membuat keputusan mengenai rawatan kepada pesakit-pesakit. Komponen-komponen darah seperti plasma, packed cells dan lain-lain adalah diguna dengan banyaknya di hospital-hospital kita. Jumlah komponen-komponen darah yang telah dipakai dalam tahun 1977 di Hospital Besar, Kuala Lumpur berjumlah sebanyak 3,825 unit, ini merupakan 70% kenaikan dari pemakaian dalam tahun 1975 (1,906). Pemakaian komponen-komponen darah semakin meningkat di lain-lain hospital di negeri ini.

(c) Oleh kerana soalan ini adalah begitu umum dan tidak menentukan mulai dari tahun manakah angka-angka yang dikehendaki tapi hanya menyatakan banyaknya blood component ini digunakan tiap-tiap

tahun maka saya tidak dapat memberi jawapan.

(d) Kerajaan telah membeli komponen-komponen darah seperti berikut pada tahun 1977:

	<i>Banyak yang dibeli</i>	<i>Harga</i>
Fibrinogen 1 Gm 166	\$ 14,110.00
Dry Human Plasma 1,388	\$127,696.00
Human albumin 100	\$ 7,000.00
		<u>\$148,806.00</u>

Sebanyak 2,768 unit plasma (fresh frozen and ordinary) dikutip dari makmal-makmal darah telah dipakai dalam tahun 1977. Angka-angka ini menunjukkan bahawa sebahagian besar perbelanjaan untuk plasma telah diijamatkan.

Puan Chow Poh Kheng: Soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan menerangkan apakah langkah yang dijalankan untuk mendapat lebih penderma darah?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tolong ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi.

Puan Chow Poh Kheng: Apakah langkah yang dijalankan untuk mendapat lebih penderma darah?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya kelmarin, saya telah merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan mereka yang bertanggungjawab supaya menyeru orang ramai menjadi penderma-penderma darah sukarela dan juga kita memberi sedikit kemudahan bagi mereka yang menjadi penderma.

PADANG PERMAINAN OLEH PEMAJU PERUMAHAN

7. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kebanyakan pemaju-pemaju rumah meletakkan priority yang rendah (low priority) terhadap pembinaan padang permainan menyebabkan kanak-kanak terpaksa menggunakan jalan raya untuk tempat bermain dan kerana ini membahayakan nyawa mereka. Apakah

langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi membetulkan keadaan ini.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedar bahawa terdapat setengah pemaju-pemaju perumahan tidak menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi dalam pelan-pelan pembangunan mereka. Dalam keadaan-keadaan tertentu pula peruntukan-peruntukan yang dibuat untuk kemudahan-kemudahan tersebut, kemudiannya telah digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain. Walaubagaimana pun, sekarang Kementerian saya dan semua penguasa-penguasa perancangan yang berkenaan telah menegaskan bahawa perancangan untuk kemudahan-kemudahan hiburan adalah merupakan satu keperluan yang perlu disediakan dalam semua projek-projek pembangunan perumahan bagi menghasilkan keadaan sekeliling yang sihat kepada penduduk-penduduknya. Pada masa-masa akan datang Kementerian saya akan memastikan supaya rancangan pembangunan perumahan hanya akan dilulus apabila syarat-syarat yang disebutkan terdahulu dipenuhi. Tetapi mengenai persoalan terdapatnya kawasan-kawasan perumahan di mana kemudahan-kemudahan hiburan yang secukupnya tidak disediakan. Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan walaupun ini bermakna bahawa Kerajaan terpaksa memikul beban kewangan yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Persekutuan dan setiap Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri sedang mengenakan syarat-syarat terhadap pelan-pelan per-tapakan untuk mendapatkan kelulusan daripada mereka supaya sebanyak 10% daripada jumlah keluasan tanah yang hendak di-majukan patut ditinggalkan sebagai kawasan lapang untuk kemudahan-kemudahan hiburan. Ia kemudiannya akan menjadi tanggungjawab setiap Penguasa-penguasa Tempatan untuk mengenakan syarat-syarat supaya kawasan-kawasan lapang tersebut yang telah dikhaskan dimajukan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi kepada penduduk-penduduk yang berkenaan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan estet-estet perumahan yang telah sedia beberapa tahun dahulu dan telahpun diduduki oleh penghuni-penghuninya, tapak-tapak kawasan permainan itu tinggal begitu sahaja, tidak dimajukan dan ada setengah tapak-tapak permainan itu sudah menjadi belukar. Perkara ini berlaku ialah kerana masing-masing pihak Berkuasa Tempatan mengatakan ini bukan tanggungjawab mereka. Bila kita hadapkan kepada pemaju perumahan, pemaju perumahan mengatakan ini adalah tanggungjawab pihak Berkuasa Tempatan, mereka hanya bertanggungjawab menyediakan kawasan permainan, tetapi tidak bertanggungjawab memajukan kawasan itu. Dan apabila kita berjumpa dan merujuk perkara ini kepada pihak Berkuasa Tempatan, mereka pula mengatakan ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Dalam hubungan ini, saya suka mendapat penjelasan dan penerangan yang sejelajelasnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri siapakah yang benar-benar bertanggungjawab untuk memajukan kawasan permainan di tapak-tapak perumahan ini.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila semua Penguasa-penguasa Tempatan di negara ini telah disusun semula, Kementerian saya akan memberi timbangan untuk memasukkan di dalam projek-projek di bawah grant (perbelanjaan) projek-projek yang serupa ini iaitu untuk membangun dan menyelenggara kawasan-kawasan rekreasi yang telah diadakan semasa pelaksanaan sekim perumahan dijalankan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa Kementerian beliau sedar mengenai masalah pemaju-pemaju rumah yang tidak menyediakan padang permainan dalam housing estate mereka, tetapi beliau tidak menearangkan apa tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Yang Berhormat ada berkata bahawa untuk masa hadapan rancangan perumahan tidak akan diluluskan tanpa peruntukan untuk padang permainan, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masalahnya

ialah bukan rancangan perumahan tidak ada peruntukan untuk padang-padang permainan. Dahulu pun ada peruntukan untuk mengadakan satu tapak untuk padang permainan. Masalahnya ialah selepas rancangan perumahan yang mempunyai peruntukan untuk padang permainan diluluskan dan rumah-rumah dibina, tapak atau kawasan yang dirancang untuk padang-padang permainan tidak dilaksanakan dan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata digunakan untuk lain-lain tujuan. Apakah tindakan yang akan diambil, bukan pada masa peringkat mahu tidak mahu lulusnya rancangan ini, tetapi selepas itu.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Petaling, di kawasan-kawasan di mana lapangan disediakan tetapi telah digunakan bagi tujuan-tujuan yang lain atau tidak digunakan, Kementerian saya akan membuat siasatan dan jika perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang terlibat; dan bagi kawasan-kawasan yang tidak ada tempat. Kementerian saya akan memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mendapat satu tapak bagi tempat permainan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap pendengaran saya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan 10% daripada tapak cadangan rancangan perumahan itu hendaklah diuntukkan bagi tempat-tempat permainan. Saya ingin tahu adakah syarat-syarat ini dikenakan sama bagi rancangan-rancangan perumahan setingkat, dua tingkat dan juga kepada perancangan perumahan yang berbentuk flat sepertimana yang terdapat di flat Bukit Bangsar atau sebagainya.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat tanah lapang di tiap-tiap kawasan perumahan—dan baru tadi saya kata kita ada Undang-undang Bandar dan Desa, 1976 walaupun kita ada undang-undang ini di tangan kita, tetapi kita tidak boleh kuatkuasakan undang-undang ini sebab kita belum dapat kelulusan daripada banyak Kerajaan-kerajaan Negeri sampai masa sekarang. Jikalau kita dapat kelulusan itu, saya harap kita boleh juga melaksanakan projek-projek ini.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa beliau dan Kementerian beliau sedar atas masalah ini. Masalah kita ialah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri datang ke Dewan ini dan kata mereka sedar, tetapi tindakan yang diambil nampaknya mereka tidak sedar di luar. Soalan saya ialah sampai saat ini, berapa housing estate atau pemaju-pemaju rumah yang mempunyai dalam rancangan perumahan mereka, peruntukan untuk padang permainan dan rancangan itu diluluskan tetapi tidak dilaksanakan peruntukan tersebut dan berapa housing estate atau pemaju-pemaju rumah di mana Kementerian ada mengambil tindakan atau tidak pernah tindakan diambil?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi angka-angka, saya minta notis daripada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bertanya ada atau tidak diambil tindakan ke atas satu, dua atau tidak pernah?

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana hendak suruh dijawab, sebab angkanya tidak ada.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kita pernah ambil tindakan atas satu dua di Kuala Lumpur tetapi jika Ahli Yang Berhormat ada complaint boleh juga memberi kepada Kementerian saya dan saya akan ambil tindakan yang tegas.

Tuan Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri berkenaan telah mengatakan tadi bahawa pihak Kementeriannya akan mengambil tindakan-tindakan ke atas pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan itu. Sudah tentulah sesuatu tindakan yang hendak diambil itu mesti sudah diatur rancangan-rancangan bagaimana tindakan yang akan diambil. Jadi saya ingin tahu apakah tindakan-tindakan yang diambil dan sudahkah diatur rancangan-rancangan tindakan itu dan apa bentuk tindakan-tindakan yang telah diambil, kalau sekiranya pihak Kementerian Perumahan sudah merancang untuk mengambil tindakan.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang dicadangkan oleh Kementerian

saya ialah jikalau seorang pemaju tidak mengikut pelan peraturan, kita tidak boleh keluaran Certificate of Fitness kepada mereka. Inilah satu tindakan yang kita timbang sekarang.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa Certificate of Fitness tidak akan diberi kalau didapati mereka tidak mematuhi syarat-syarat. Itu adalah terlibat dengan pemohon-pemohon akan datang, pemaju-pemaju akan datang. Tetapi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa pihak Kementerian akan mengambil tindakan tegas dan beliau berkata sudah ada satu dua khas di mana sudah pun diambil tindakan tegas terhadap pemaju-pemaju. Saya ingin bertanya, apakah tindakan-tindakan tegas yang telah diambil sepertimana dituntut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi ialah tindakan daripada Kementerian saya, apabila mereka yang tidak mengikut perintah peraturan, saya mestilah memberitahu kepada Penguasa-penguasa Tempatan, jangan memberi Certificate of Fitness. Satu sahaja kita boleh ambil, kita tidak ada kuasa peruntukan undang-undang dalam tangan kita.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Kalau tidak ada undang-undang dalam tangan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berpendapat bahawa Kementerian beliau tidak mempunyai apa-apa kuasa?

-Kedua, kalau tidak mempunyai apa-apa kuasa pada masa ini, adakah beliau bercadang untuk membentangkan satu Rang Undang-undang yang akan memberi kuasa?

Tuan Yang di-Pertua: Kuasa sudah disebutkan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab, satu daripadanya tidak mengeluarkan Sijil Kelayakan menduduki Bangunan.

Tuan P. Patto: Ya, terima kasih. Tetapi Timbalan Menteri tadi mengatakan Kementerian tidak mempunyai kuasa undang-undang. Jadi saya ingin bertanya

Tuan Yang di-Pertua: Selain daripada yang disebutkan tadi mengeluarkan Sijil itu.

Tuan P. Patto: Ya, selain daripada itu, kalau tindakan hendak diambil melalui undang-undang, bolehkah dibuat satu undang-undang?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi iaitu Akta 1976 atas parit jalan dan juga pembangunan ada juga di dalam tangan kita. Tetapi banyak di antara Kerajaan-kerajaan Negeri belum terima ataupun istiharkan Akta itu. Apabila kita dapat istiharkan Akta itu, kita ada juga kuasa untuk mengambil tindakan atas pemaju-pemaju perumahan itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Pihak Kementerian nampaknya menyalahkan pula pihak Kerajaan Negeri. Apakah pihak Kementerian telah menghubungi Kerajaan Negeri selama ini untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengistiharkan Akta baru itu, ada banyak implikasinya. Baru satu minggu yang lalu Kementerian saya ada juga berbincang dengan banyak Kerajaan-kerajaan Negeri yang mana saya dapat tahu kita boleh juga melaksanakan Akta itu tidak lama lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Saya berterima kasih dengan keputusan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya ingin bertanya masalah yang dihadapi oleh Kota Melaka, kedua-dua Akta telah diterima oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Tempatan NPMJ telah disusun semula dan NPMJ telah mengeluarkan sebanyak 29 ingatan (reminders) kepada pemaju swasta untuk melaksanakan projek tambahan padang permainan kanak-kanak, tetapi 4 tahun lamanya pemaju-pemaju swasta ini sungguhpun telah diperintah oleh pihak yang berkenaan tetapi mereka masih enggan melaksanakan projek ini yang ada dalam pelan-pelan perumahan mereka. Di sini saya ingin bertanya, kalau dengan kes-kes serupa ini, maka apakah tindakan yang tegas dari segi undang-undang yang boleh diambil, tetapi saya dapati Certificate of Fitness telah dikeluarkan walaupun mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada kes-kes semacam itu, saya mintalah dikemukakan kes-kes itu kepada saya, saya sendiri boleh ambil tindakan dalam Kementerian saya.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan ini bersetuju kiranya tindakan diambil dengan tegas 100% kepada pemaju-pemaju perumahan ini untuk melaksanakan kemudahan padang permainan di kawasan yang berkenaan sehingga mengganggu pembinaan dan perkembangan perumahan dalam negara ini, bahawa Kementerian ini tetap dituduh oleh Pembangkang kerana menghalang peluang-peluang untuk penghuni untuk mendapat rumah. Adakah bersetuju?

Tuan S. Samy Vellu: Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Bukan pihak Pembangkang tidak berfikiran tetapi.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti! Saya belum beri.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada menjadi dasar Kementerian beliau bahawa selain daripada memberikan tempat, tapak padang permainan yang luas di tiap-tiap perumahan yang ada di negeri Perak terutama sekali di Ipoh, ada juga setengah-setengah pemaju perumahan menanam pokok-pokok di tepi-tepi jalan dan menyediakan tempat untuk peniaga-peniaga kecil berniaga. Jadi adakah ini desakan daripada Kementerian ataupun sengaja diadakan oleh pemaju perumahan?

Tuan Yang di-Pertua: Ini terkeluar daripada soalan asal. Ini mengenai padang permainan dan penjaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa tindakan yang diambil ialah dengan menggunakan kuasa tidak mahu mengeluarkan Certificate of Fitness.

Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini

sama ada keluaran Certificate of Fitness dalam tangan Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Kementerian Perumahan?

Kedua, kalau kuasa mengeluarkan Certificate of Fitness tidak ada dalam tangan Kementerian Perumahan, tetapi dalam tangan pihak-pihak Penguasa Tempatan (Local Authorities), adakah jadi satu amalan yang biasa di mana sebelum Certificate of Fitness dikeluarkan oleh Local Authorities, mereka berhubung dengan Kementerian Perumahan untuk bertanya sama ada Kementerian Perumahan ada mempunyai apa-apa pendapat.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling sedia maklum, Kementerian saya bukanlah Kementerian Perumahan sahaja, tetapi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam Kementerian saya, ada juga dalam semua Kerajaan Tempatan dan kuasa untuk memberi arahan kepada Penguasa-penguasa Tempatan ialah dalam tangan Kementerian saya. Saya mesti memberi arahan, jikalau ada.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri dia silap.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, sabar! Saya nampak Ahli dari Tanah Merah dahulu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian mengenai Certificate of Fitness. Selalunya rumah-rumah ini disiapkan dahulu, barulah dimulakan pembinaan padang-padang permainan, jadi Certificate of Fitness ini terpaksa diberi sebelum padang ini dibina. Jadi saya hendak bertanya Timbalan Menteri berkenaan, adakah beliau bercadang untuk mengadakan satu peraturan supaya pembinaan rumah-rumah dan padang-padang ini dijalankan serentak.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa Yang Berhormat sebut tadi ialah satu peristiwa sebelum kita kenalkan Akta baru iaitu Akta 1976. Tetapi saya boleh katakan di Dewan yang mulia ini sekarang kita ada juga mengambil tindakan yang tegas kepada pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan salah satu halangan yang menyebabkan kawasan-kawasan padang permainan ini belum dimajukan adalah disebabkan oleh adanya Kerajaan-kerajaan Negeri yang belum menerima Akta mengenainya. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan rundingan-rundingan sudah diadakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah pandangan Kerajaan Negeri atas Akta ini, mengapa mereka lambat hendak meluluskan Akta ini yang menyebabkan kegelisahan orang ramai?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan Kerajaan Negeri ialah satu masalah mengenai kewangan. Kewangan itu kita belum dapat menyelesaikan dan implikasi-implikasi kewangan itu telah pun dikemukakan kepada Kementerian saya dan ada di dalam perbincangan. Apabila kita telah siapkan, saya harap kita boleh juga mendapat kerjasama dari semua Kerajaan Negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa penjelasan beliau tadi mengenai kuasa Kementerian Kerajaan Tempatan? Ini menunjukkan beliau tidak faham kuasanya, adakah beliau tahu bahawa Kerajaan Tempatan sebenarnya merupakan satu State Subject tertakluk di bawah Perlembagaan Kerajaan Negeri? Apa yang Kerajaan Tempatan ada ialah kuasa untuk koordinasi dan tidak ada kuasa untuk mengarahkan Kerajaan Tempatan dan, kalau ada kuasa arahan, semua masalah yang kita hadapi mungkin sudah selesai.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi, saya tahu kuasa ini ada di dalam tiap-tiap Kerajaan Negeri, tetapi mengikut Akta baru, Kementerian saya ada juga kuasa untuk memberi arahan dan untuk mendapat koordinasi daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Belum cukup lagi?

Tuan Chan Teck Chan: Ini yang terakhir. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada berkuasa sepenuhnya untuk memberikan arahan untuk memaksa pemaju-pemaju swasta yang terletak di bawah Kerajaan Tempatan untuk mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki. Di sini saya ingin mengetahui bahawa bilakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengeluarkan satu arahan dengan secepat mungkin kepada semua Kerajaan-kerajaan Tempatan termasuk Kerajaan Negeri supaya Certificate of Fitness tidak akan dikeluarkan jika syarat-syarat yang ditetapkan, umpamanya taman permainan kanak-kanak, jalan, sistem longkang, lampu jalan dan lain-lain tidak dipatuhi maka ini boleh ditahan sehingga mereka menunaikan segala syarat-syaratnya. Jika ya, bilakah arahan ini akan dikeluarkan?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang balik soalan itu.

Tuan Chan Teck Chan: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Jangan berbelit-belit sangat soal itu—terus sahaja!

Tuan Chan Teck Chan: Katanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada berkuasa sepenuhnya untuk memberikan arahan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan yang dikehendaki adalah dijalankan, dilaksanakan oleh pemaju-pemaju swasta tetapi untuk melindungi kepentingan orang ramai dan pembeli-pembeli rumah maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengeluarkan satu arahan dengan secepat mungkin kepada semua Kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Tempatan supaya Certificate of Fitness tidak akan dikeluarkan kecuali syarat-syarat seperti taman permainan kanak-kanak, jalan, lampu jalan, sistem longkang akan ditunaikan. Jika ya, bilakah arahan ini akan dikeluarkan?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jika perlu, saya mesti arah.

Tuan Chan Teck Chan: Tetapi bila? Ini sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa mengikut Akta yang ada dalam tangannya baru diluluskan beliau berkata Kementerian boleh mengarah, boleh mengkoodinasi, entah yang mana boleh dibuat, koordinasi atau arahan? Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya beliau mengarah adakah dikehendaki menurut Akta itu bahawa semua Kerajaan Negeri mesti patuh kepada arahan ataupun they can just say, "fly kite"?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebut tadi ialah koordinasi arahan (*Ketawa*).

GURU-GURU MENGAJAR BAHASA CHINA

8. **Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat kekurangan guru-guru berkelayakan untuk mengajar Bahasa China di Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan, jika ya, adakah apa-apa rancangan untuk melatih mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, kekurangan guru-guru berkelayakan bagi mengajar Bahasa China di sekolah-sekolah menengah tidaklah begitu meruncing dan tidak pula menjejaskan kemajuan matapelajaran tersebut di peringkat sekolah menengah.

Bagi menampung kekurangan guru-guru Bahasa China, Kementerian saya telah dan sedang melatih guru-guru matapelajaran ini di Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Di samping itu, Kementerian saya juga mengambil guru-guru siswazah Bahasa China dari Jabatan Pengajian China Universiti Malaya, Kuala Lumpur untuk mengajar Bahasa China di sekolah-sekolah menengah.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberitahu Dewan ini katanya masih belum sampai satu peringkat yang sangat merunsingkan dan menjejaskan perkembangan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini

hingga tahun ini berapakah guru-guru masih dianggap tidak cukup dan kekurangan di sekolah-sekolah menengah yang mengajar bahasa China?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, untuk makluman balas daripada tiap-tiap Jabatan-jabatan Negeri masing-masing tidaklah berapa mendesak, oleh sebab itu kita bergantung kepada keperluan. Walau bagaimanapun, apa yang saya telah sebutkan dalam jawapan saya tadi ialah untuk mengekalkan pembekalan guru-guru ini kita sudah mengambil langkah semacam ini tetapi ini bergantung kepada keperluan dan rancangan ini akan disemak semula dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tadi sudah habis tetapi ada sambungan lagi.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menearangkan sama ada Kementerian berkenaan akan menerima guru-guru yang telah bersara.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, ini berbalik kepada jawapan saya tadi, iaitu ini bergantung kepada keperluan.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu angka atau lebih kurang berapa guru yang mana sekolah-sekolah menengah memerlukan guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar di sekolah menengah? Bilangan kekurangan guru-guru yang berkelayakan yang dihadapi oleh Kementerian.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya minta notis.

PERUNTUKAN KEMAJUAN PERKAMPUNGAN

9. **Tuan Shaari bin Jusoh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa apakala diisytiharkan kelulusan peruntukan bagi sesuatu kawasan itu peruntukan itu tidak penuh ditunaikan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap

peruntukan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah peruntukan bagi kemajuan perkampungan yang dikelolakan oleh Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya seringkali membuat lawatan ke kampung-kampung untuk melihat dengan sendiri keadaan yang sebenarnya di kampung-kampung. Berasaskan kepada 'felt needs' penduduk-penduduk kampung yang dilawati itu saya membuat pengumuman meluluskan beberapa projek kecil pada dasarnya. Selepas lawatan tersebut pegawai-pegawai dari Kementerian saya akan membuat 'follow-up' berhubung dengan projek-projek yang telah diluluskan itu dan mengirinkan Waran Peruntukan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri berkenaan. Kemudian Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengirinkan peruntukan kepada Pegawai Daerah untuk perlaksanaannya. Sebahagian besar daripada projek-projek yang telah diluluskan telahpun dilaksanakan dan dijangka siap sebelum akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, ada sebilangan kecil lagi projek yang telah diluluskan itu yang hanya dapat dilaksanakan pada tahun hadapan sahaja oleh kerana beberapa masalah, terutama masalah tanah tapak projek, masih belum diselesaikan. Ini tidaklah bermakna bahawa peruntukan yang telah dijanjikan itu tidak ditunaikan dengan sepenuhnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah jenis-jenis projek kecil yang telahpun diberi kepada kawasan-kawasan perumahan itu?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis projek kecil seumpama Dewan Orang Ramai, parit-parit (longkang), jambatan-jambatan kecil dan sebagainya, itu memerlukan tapak.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Selain daripada kampung-kampung baru yang mendapat projek-projek kecil begini, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan projek-projek kecil ini kepada kampung-kampung yang lama.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Kampung-kampung baru dan kampung-kampung lama,

Tuan Yang di-Pertua, diberi mengikut 'felt needs'.

PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

10. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bercadang mengkaji semula taraf Pelabuhan Pulau Pinang yang mana tarafnya sebagai pelabuhan bebas telah ditarik balik. Sama ada beliau sedar bahawa semenjak penarikan balik tarafnya sebagai pelabuhan bebas, banyak rakyat Malaysia telah pergi ke negara-negara jiran (Singapura dan Thailand) untuk membelanjakan wang mereka dan tidak banyak pelancang yang melawat Pulau Pinang dan oleh itu banyak wang negara kita telah mengalir keluar dan ini akhirnya akan menjadikan Pulau Pinang sebuah pelabuhan yang mundur dan tidak semasyhur seperti dahulu lagi.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak mengkaji semula taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang yang telah dimansuhkan itu. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pulau Pinang sebagai sebuah daripada negeri-negeri di Malaysia, ianya seharusnya juga mendapat layanan yang sama seperti negeri-negeri yang lain. Oleh itu Pulau Pinang telah dibawa masuk ke dalam Kawasan Kastam utama bagi menyelaraskan (harmonise) percukaian di negeri itu dengan negeri-negeri yang lain. Sungguhpun taraf pelabuhan bebas itu telah dimansuhkan tetapi ini telah tidak menjejaskan kemajuan Pulau Pinang kerana usaha-usaha pembangunan di Pulau Pinang telah dijalankan dengan sebegitu pesat sekali. Kilang-kilang perusahaan telah tumbuh dengan banyaknya dan telah memberi peluang-peluang pekerjaan kepada ramai penduduk-penduduk di Pulau Pinang dan juga kawasan-kawasan sekitarnya. Di samping itu, langkah-langkah juga sentiasa diambil untuk memperbaiki peluang-peluang perniagaan di Pulau Pinang dan juga di seluruh Malaysia. Usaha-usaha pembangunan telah dilaksanakan dengan lancarnya di Pulau Pinang dan sesungguhnya boleh dikatakan bahawa negeri itu telah bertukar wajahnya dan pada hari ini telah menjadi salah sebuah daripada negeri termaju di Malaysia.

Adalah disedari bahawa ramai rakyat Malaysia yang melancung ke negara-negara jiran. Ini sememang berlaku tidak kira sama ada pelabuhan bebas Pulau Pinang ada atau tidak, akan tetapi bilangan pelancungan dari luar negeri yang melawat Pulau Pinang semakin hari semakin bertambah ramai dengan adanya langkah-langkah Kerajaan untuk memperkenalkan Pulau Pinang dan Malaysia sebagai destinasi pelancungan bagi rantau ini. Kerajaan juga telah melaksanakan bagi rantau ini. Kerajaan juga telah melaksanakan projek lapangan terbang baru yang bertaraf antarabangsa bagi Pulau Pinang untuk memudahkan pengendalian para pelancung. Semuanya ini akan memusatkan lagi pembangunan di Pulau Pinang. Untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan bagi para pelancung dan untuk menggalakkan perniagaan di Pulau Pinang, Kerajaan telah membenarkan penubuhan kedai-kedai bebas cukai. Di samping itu Kawasan Perdagangan Bebas telah juga diwujudkan di Pulau Pinang. Jelaslah bahawa sangkaan Ahli Yang Berhormat iaitu Pulau Pinang akan menjadi sebuah pelabuhan yang mundur dan tidak semasyhur seperti dahulu itu, adalah tidak benar bahawa sesungguhnya seperti saya katakan tadi, Pulau Pinang telah bertukar wajah dan telah menjadi salah sebuah negeri yang termaju di Malaysia.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa semasa perbincangan diadakan dalam perundingan untuk menghapuskan taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang dengan Kerajaan Negeri, Menteri Kewangan pada masa itu Tun Tan Siew Sin telah berjanji dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa pihak Kerajaan Pusat sebagai mengganti hilangnya taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang itu akan menyediakan satu kawasan yang dinamakan Free Trade Area (FTA) dalam kawasan pelabuhan Pulau Pinang. Ini telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Apa yang telah terjadi kepada rancangan ini hingga sekarang kita belum nampak FTA ini diwujudkan di kawasan pelabuhan Pulau Pinang.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dilaksanakan ialah dengan

mengadakan Kawasan Perdagangan Bebas (Free Trade Zone) dan juga seperti yang saya katakan tadi, kedai-kedai bebas cukai. Ini bolehlah dianggap sebagai kawasan di mana tidak ada dikenakan cukai ke atas barang-barang yang dijual di dalamnya. Jadi dari segi prinsipnya sama.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa sebagai salah satu daripada ganti rugi yang diberi selepas pemansuhan taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang ialah mewujudkan kedai-kedai bebas cukai (duty free shops). Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah jenis-jenis barang yang telah diberi kelulusan untuk dijual di dalam kedai-kedai tersebut?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, di bandar George Town sahaja pada setakat hari ini ada 38 buah kedai-kedai seperti itu, yang mana mereka menjual setakat hari ini 16 jenis barang dan ini termasuk perkara seperti alat-alat solek, alat-alat letrik, kamera dan sebagainya. Pihak Kerajaan akan sentiasa menimbang menambahkan bilangannya jika perlu dan jika ada minat yang pelancung-pelancung membeli barang-barang tersebut.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada pihak Kementerian ada menerima rayuan-rayuan daripada pekedai-pekedai duty free ini supaya menambahkan item-item yang ada sekarang oleh kerana item yang diluluskan pada masa ini tidaklah memberi skop yang luas untuk perniagaan mereka?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya memang ada rayuan untuk tambahan, tetapi kita mestilah meneliti supaya barang yang diminta itu praktikal untuk ditadbirkan penjualan bebas cukai kerana kalau tidak diawasi dengan betul mungkin akan ada penyelewengan-penyelewengan berlaku. Jadi, jenis barang yang hendak dijual itu mestilah diberi penilaian yang sebaik-baiknya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Dalam pengeluaran lesen-lesen kedai bebas cukai (duty free shops) ini, adakah Kementerian

yang berkenaan memberi peruntukan khas kepada Bumiputra?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti juga pelaksanaan dasar-dasar yang lain, kita mengikut dasar umum, tetapi siapa juga yang memohon, kita beri pertimbangan. Sudah pasti kalau Bumiputra itu, pertimbangan mengikutlah dasar umum kita.

MOTOKAR MERCEDES-BENZ DIJADIKAN TEKSI

11. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar motokar jenis Mercedes Benz yang mahal itu, berada di dalam keadaan yang baik dan sempurna dalam masa yang lebih daripada 15 tahun. Jadi mengapakah beliau tidak dapat kecualikan motokar jenis ini dijadikan kereta sewa (tekxi) walau pun melebihi umur 10 tahun yang ditetapkan itu.

Tuan Mohd. Ali bin Md. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar umum Jabatan Pengangkutan Jalan bagi menentukan bahawa kenderaan yang digunakan sebagai kenderaan perkhidmatan awam sentiasa di dalam keadaan baik. Ini adalah kerana ianya akan menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna kenderaan tersebut, serta juga kepentingan pemilik-pemilik dan pengusaha-pengusaha kereta-kereta perkhidmatan awam itu. Oleh yang demikian, tekxi-tekxi atau kereta sewa tidak dikecualikan daripada dasar ini.

Begitu juga umur itu tidak semestinya dijadikan ukuran bagi menentukan baik buruknya sesebuah kenderaan itu. Ini adalah tergantung kepada beberapa faktor termasuk jenis kereta tersebut, jauh perjalanan daripada segi "mileage" serta juga cara-cara "maintenance" di atas kenderaan tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kereta-kereta yang lebih daripada 10 tahun walaupun berada dalam keadaan baik tidak dibenarkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan untuk dijadikan tekxi sewa dan ini akan menyulitkan kepada

mereka yang mendapat lesen tekxi sewa baharu bagi mendapat jenis kereta yang baik?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, dari segi teknikal, sesebuah enjin kenderaan itu seharusnya dibaikpulih sekali tiap-tiap lima tahun. Pada baikpulih yang pertama biasanya silinder kereta itu terpaksa dibesarkan sedikit dan selepas baikpulih kedua, iaitu 10 tahun, biasanya silinder enjinnya tidak dapat dibesarkan lagi. Oleh yang demikian, enjin tersebut tidak boleh lagi digunakan dan tidak ekonomik. Jika ianya digunakan, enjin tersebut akan mengeluarkan asap yang berlebihan dan kehilangan tenaga kerana umurnya yang tua. Perkara ini berlaku kepada semua jenis kenderaan. Tetapi, walau bagaimanapun, ada kemungkinan kepada jenis-jenis kereta seperti Mercedes, walaupun selepas 10 tahun, maka ia masih boleh digunakan dengan baik. Atas kes-kes yang seumpama ini pihak yang berkenaan boleh membuat rayuan kepada pihak Yang Berhormat Menteri bagi pertimbangan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa selepas dua overhaul enjin, maka kereta itu tidak boleh digunakan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa ada juga di mana enjin itu boleh ditukar selepas dua overhaul asalkan badan atau rangka kereta itu accident-free dan kalau beliau sedar, bolehkah beliau menimbang untuk mengarahkan semua pihak-pihak yang tertentu di Kementerian beliau supaya meluluskan kereta-kereta yang didapati accident-free dan yang melebihi umurnya 10 tahun tetapi enjinnya baru?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masalah yang dibangkitkan itu tadi berbeza. Apa yang saya maksudkan bahawa sesebuah kenderaan itu hanya boleh dioverhaul hanya dua kali dalam masa 10 tahun, tetapi masalah yang dibangkitkan sekarang ialah diganti dengan enjin baru bagi badan (body) yang lama. Ini adalah suatu perbezaan yang berlaku. Atas kes-kes yang seperti ini, seperti yang saya katakan tadi bolehlah pihak yang berkenaan itu membuat rayuan kepada pihak Kementerian supaya diberi pertimbangan.

KAYU YANG DIGERGAJI DIEKSPOT

12. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil yang telah dicapai oleh Malaysia berikutan satu rombongan perdagangan kayu dari Malaysia yang telah mengadakan lawatan ke Amerika Syarikat tempoh hari dan nyatakan nama negara-negara yang mengimpot kayu yang digergaji dari Malaysia. Dan nyatakan sama ada barang-barang buatan daripada kayu itu diekspot semula ke Malaysia. Jika ada nyatakan pula nama negeri-negeri yang berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, mengenai hasil yang telah dicapai dari rombongan perdagangan kayu kayan yang dihantarkan ke Amerika Syarikat dalam bulan April tahun lepas yang mana Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah menguainya, saya suka menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah menjawab pertanyaan yang serupa dari Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun dalam persidangan Dewan ini pada 13hb Julai, 1977.

Sebagaimana yang telah nyatakan di dalam jawapannya, rombongan tersebut telahpun dapat menyingkir perasangka seperti yang terdapat di setengah-tengah kalangan pembeli-pembeli dan pengguna-pengguna kayu di Amerika Syarikat mengenai kayu-kayu Malaysia dan cara-cara perdagangan kita. Dari segi penggalakkan eksport, saya percaya melalui lawatan yang dibuat itu kita telahpun dapat mempertingkatkan lagi imej perusahaan kayu kita yang mana saya fikir penting jika kita berkehendakkan pembeli-pembeli dan pengguna-pengguna di Amerika Syarikat menaruh kepercayaan kepada Malaysia sebagai pembekal kayu kayan yang menjalankan cara-cara perdagangan secara baik dan teratur dan yang sedia menemui kehendak-kehendak pasaran.

Selain daripada itu American Plywood Associations telah juga bersetuju memberi bantuan latihan kepada pegawai-pegawai badan-badan yang terlibat dalam pengilangan papan lapis di Malaysia supaya dapat me-

ninggikan pengetahuan mereka dalam teknologi papan lapis.

Kayu gergaji adalah diekspotkan kepada kira-kira 50 buah negara-negara luar negeri dan kebanyakan daripadanya adalah dari Semenanjung Malaysia. Di antara pembeli-pembeli yang terbesar termasuklah negara-negara berikut:

	<i>Meter Padu</i>	<i>M\$ (Juta)</i>
	<i>(1977)</i>	
EEC (Kumpulan Negara-negara Eropah)	1,017,453	394.4
Singapura	841,298	159.3
Middle East (Timur Tengah) ..	460,802	81.3
Thailand	156,979	27.3
Australia	154,528	50.0
Japan	142,923	34.2
USA (Amerika Syarikat) ..	101,955	33.3

Memang ada barang-barang yang dibuat daripada kayu yang diimpot ke dalam negeri ini tetapi jumlahnya tidaklah begitu besar. Pada akhir-akhir ini Malaysia khususnya negeri Sarawak telah mengimpot kayu gergaji dari Kalimantan, Indonesia. Kebanyakan kayu gergaji yang diimpot adalah dari jenis-jenis seperti Ramin di mana pengeluaran tempatan telah beransur-ansur kurang dalam beberapa tahun ini. Selain daripada kayu gergaji yang diimpot dari Kalimantan, sejumlah kecil bahan yang diimpot adalah terdiri daripada berbagai-bagai jenis papan lapis, kebanyakannya dari Singapura. Selalunya papan lapis ini adalah dari jenis-jenis yang dilekatkan dengan veniar "teak", plastik dan aluminium. Jika ada sekalipun, pengimpotan barang-barang yang dibuat daripada kayu-kayu yang asalnya diekspot dari Malaysia, jumlah ini terlampau kecil dan kebanyakannya itu adalah daripada papan-papan lapis dari Singapura. Dalam tahun 1976, pengimpotan papan lapis dari Singapura adalah kira-kira \$1.5 juta sahaja.

MUTU PELAJARAN DI SEKOLAH TAMIL

13. **Tuan P. Patto** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mutu pelajaran di sekolah-sekolah Tamil adalah sangat rendah berbanding dengan sekolah-sekolah lain, jika ya, apakah tindakan pihak Kerajaan akan ambil untuk meninggi-

kan mutu pelajaran di sekolah-sekolah ini supaya ia setaraf dengan mutu pelajaran di sekolah-sekolah lain.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bukti yang menunjukkan mutu pelajaran di Sekolah Tamil adalah sangat rendah berbanding dengan sekolah-sekolah lain. Sungguh pun demikian, selaras dengan usaha yang diambil untuk sekolah-sekolah di dalam lain-lain bahasa pengantar, usaha adalah sentiasa dijalankan bagi mengekal dan seterusnya meningkatkan lagi mutu pelajaran di Sekolah-sekolah Tamil. Usaha ini dapat dilihat di dalam berbagai bidang. Umpamanya dari segi pengajaran Bahasa Tamil, Kementerian saya telah mengujudkan Unit Bahasa Tamil di Pusat Perkembangan Kurikulum dan sebuah Jawatankuasa telah pun ditubuhkan bagi menyemak dan menggubal sukatan pelajaran Bahasa Tamil di Sekolah-sekolah.

Dari segi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Tamil pula, beberapa bengkil telah dan akan terus diadakan untuk guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dari Sekolah Rendah China dan Tamil bagi menghasilkan panduan-panduan mengajar kedua-dua bahasa itu.

Dari segi bahan kerikulum pula, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa bahan yang sama juga adalah digunakan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Bagi menambahkan lagi bahan-bahan bacaan untuk kegunaan Sekolah Tamil, bahan-bahan yang terdapat di dalam Bahasa Malaysia adalah diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil dari masa ke semasa.

Kursus Dalam Perkhidmatan adalah juga diberi kepada guru-guru dari Sekolah Tamil bersama-sama dengan guru-guru dari sekolah-sekolah lain. Kursus ini adalah bertujuan untuk melengkapkan guru-guru tersebut dengan teknik dan cara-cara pengajaran yang kemaskini.

Di samping usaha-usaha yang saya sebutkan, Kementerian saya juga sedang melaksanakan seberapa yang boleh untuk mengumpul Sekolah-sekolah Tamil yang kecil ke satu

pusat (sekolah besar) supaya kemudahan senang diberi dan ditadbir.

Semua usaha-usaha ini adalah untuk mempertingkatkan lagi mutu pelajaran di sekolah-sekolah dan proses ini akan diteruskan mengikut aliran perkembangan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN SYARIKAT MEMINJAM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Meminjam 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG TENGGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali

yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (27hb November, 1978).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa).*

Maksud B. 38, B. 39, B. 40, B. 41, B. 42, B. 43 dan B. 44 (Jadual)—

Maksud P. 39, P. 40, P. 43 dan P. 44 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

Perbahasan disambung semula.

3.36 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan B. 38, Butiran 1100, — Aktiviti (1)—Pentadbiran Am; Aktiviti (3)—Keselamatan Dalam Negeri; Aktiviti (5)—Ikatan Relawan Rakyat (RELA), muka surat 319.

Semenjak pendatang-pendatang haram dari Vietnam datang dengan banyaknya ke negara kita khususnya di Negeri Kelantan, Pahang dan Johor, maka saya rasa ianya telah menjadi satu masalah kepada negara yang harus ditentukan dan diambil tindakan segera, berani dan tegas tanpa lengah-lengah lagi.

Kejadian yang berlaku sekarang ini sangatlah serius dan membimbangkan dan jika kita tidak mengenakan tekanan yang berat, saya percaya perkara ini akan menjadi kuman masyarakat kepada negara.

Kita juga bimbang bahawa ada anasir-anasir yang memainkan peranan penting dalam membawa mereka ke negara kita. Kita juga kluatir ada penyuluh-penyuluh, sayap kelima (fifth columnists) yang akan menyusup di dalam berbagai pertubuhan dan badan-badan sukarela dalam negeri ini. Kita juga kluatir dengan kemasukan mereka secara beramai-ramai ini akan mengancamkan keamanan, keselamatan dan kestabilan politik negara kita. Kita hendaklah menganggap mereka sebagai orang-orang yang tidak diingini.

Pengajaran telah menunjukkan kepada kita bahawa Amerika Syarikat yang begitu kuat dengan alat-alat senjata modenya beserta dengan bantuan kewangannya, tidak boleh mencapai kemenangan dalam peperangan terbuka itu.

Sekiranya kita tidak bertindak segera mengelakkan kemaraan mereka, kita kluatir negara kita akan menghadapi suasana yang amat buruk dan gelap.

Kemasukan penyuluh-penyuluh Jepun dahulu untuk menawan Tanah Melayu, adalah satu bukti yang nyata bagaimana mereka dapat menyamar diri di dalam berbagai kalangan masyarakat.

Soal peri kemanusiaan, saya rasa tidak perlu dipertimbangkan, kerana Amerika Syarikat dan negeri China adalah lebih bertanggungjawab terhadap mereka itu daripada kita, sebuah negara kecil untuk memberi perlindungan kepada mereka.

Dalam hal ini, saya ingin menekankan bahawa Kerajaan hendaklah mengarahkan pihak-pihak Pasukan Keselamatan, seperti Polis, Marin, RELA, Tentera Laut, dan orang-orang kampung juga supaya mengawal sepanjang pantai negara kita pada setiap masa dan memastikan bahawa pendatang-pendatang haram ini tidak bermaharaja-lela datang masuk dengan sesuka hatinya.

Malaysia mempunyai orang-orang yang tak bernegara (Stateless persons) seramai 200,000 orang, dan ini adalah menjadi bebanan kepada negara. Perkara yang serupa ini juga dialami oleh Vietnam dan orang-orang ini juga yang akan mengancamkan lagi keamanan negara.

Dalam hal ini, saya ingin menyarankan pendapat saya bagaimana serius dan bahayanya kepada negara, sebagaimana yang saya difahamkan, iaitu:

- (1) Dalam pelayaran, mereka menggunakan kompas dan membawa senjata-senjata moden serta tahu di mana tempat-tempat dalam negeri Trengganu dan yang berhampiran dengannya.
- (2) Apabila ternampak kapal di lautan, mereka menggunakan signal S.O.S. Setelah mendapati kapal itu datang, mereka membocorkan bot-bot mereka dan menenggelamkannya serta menaiki ke kapal tersebut.
- (3) Mereka juga mempunyai anak kapal yang terlatih, seperti engineer dan doktorinya sendiri. Mereka menghantar kanak-kanak dan orang-orang perempuan sebagai satu helah sahaja untuk mendapatkan simpati. Dalam peperangan ideoloji, soal tipu-helah adalah satu perkara muslihat.
- (4) Ada di antara yang ditahan ialah bekas askar Vietcong.
- (5) Pendatang-pendatang haram ini bebas di Kuala Trengganu dan di pulau yang dijadikan Pusat Orang Pelarian ini cukup dengan kemudahan makanan yang mewah dan mempunyai gerejanya sendiri.
- (6) Dalam masa mereka mendarat, apa sahaja yang diberi, walaupun roti, akan dimakan oleh mereka. Tetapi setelah sampai di Pusat Orang Pelarian, mereka memilih makanan yang istimewa. Mereka itu berpura-pura sahaja di hadapan orang-orang kampung.
- (7) Mereka yang datang adalah pelarian yang terlatih, cukup mengetahui kedudukan undang-undang negara yang liberal.

Tuan Pengerusi, dari faktor-faktor yang saya gariskan ini, saya ingin mengesyorkan bahawa mengikut persetujuan negara berpantai di Caracas, bahawa had jauh sekian-sekian batu di laut, boleh ditentukan oleh Kerajaan negara masing-masing. Dari itu, pada fikiran saya, Kerajaan hendaklah meng-

istiharkan bahawa di sepanjang laut dan pantai di Pantai Timur, adalah sebagai kawasan larangan dan keselamatan. Jika perlu, mengenakan Undang-undang Darurat untuk menjaga keselamatan negara kita. Ini bermakna bahawa penceroboh-penceroboh itu boleh ditembak sekiranya ia melanggar.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh Maksud B. 40, Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran dan Aktiviti (2)—Kawalan Imigeresen, muka surat 331.

Kita tahu bahawa sebelum Merdeka, kawalan Imigeresen tidaklah begitu ketat, dan ramai orang yang datang di sini secara haram, dengan berbagai helah, telah mendapat kerakyatan.

Kita juga tahu bahawa tidak ada rekod-rekod yang tertentu disimpan, maka dengan kerana itu jawatan-jawatan di dalam Perkhidmatan Imigeresen telah diserapkan kepada kumpulan PTA dan PTD.

Alhamdulillah, sekarang Jabatan Imigeresen telah bertukar corak. Kita berharap pegawai-pegawai yang diamanahkan itu akan bekerja bersungguh-sungguh, dedikasi terhadap negaranya sendiri.

Kita juga berharap bahawa intipan secara rahsia, ataupun lebih tegas dikatakan pegawai perisik Polis, hendaklah ditempatkan di tempat-tempat yang penting, bukan sahaja di Jabatan Imigeresen tetapi juga di Jabatan Pendaftaran Negara, kerana ianya ada kaitan rapat antara satu sama lain, terutama untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia.

Kita hendaklah berhati-hati dan bercermat dalam memberikan kewarganegaraan kepada pendatang-pendatang baru ini. Kita hendaklah bersikap: "Biar lambat, asalkan selamat".

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, dan saya menyokong sepenuhnya peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi: Saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, tiap-tiap seorang dimintalah kerjasama supaya bercakap tidak lebih daripada sepuluh minit supaya ramai Ahli-ahli yang boleh mengambil bahagian. Silakan.

3.46 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 38, Butiran 1100, Aktiviti (2) dan (3), muka surat 319 dan Maksud B. 40, Butiran 1100, Aktiviti (2), muka surat 331. Saya juga ingin bercakap mengenai masalah pendatang-pendatang haram sebagai seorang wakil yang datang dengan sebuah negeri yang paling teruk menerima akibat daripada kedatangan pendatang-pendatang haram ini. Saya rasa adalah wajar untuk saya bercakap sepatah dua mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya baharu pulang daripada Trengganu tengahari semalam dan sewaktu di Trengganu malam kelmarin, saya telah berkesempatan melihat sendiri pendaratan 95 orang pendatang-pendatang haram dan di hadapan Pantai Motel saya telah melihat bagaimana dua orang anak kecil yang baharu dua hari dilahirkan. Saya percaya mereka dilahirkan di tengah laut. Seorang tua di antaranya terpaksa dipapah, disorong di atas kerusi sorong. Memang kita merasa simpati dengan keadaan-keadaan seperti ini. Namun demikian, Tuan Pengerusi, kesan yang saya dapati sewaktu saya berada di Trengganu, ialah orang ramai negeri itu berada dalam keadaan gelisah oleh kerana pendatang-pendatang haram ini terus menerus datang mendarat di negeri Trengganu dan negeri-negeri lain juga. Keadaan ini telah menyebabkan services atau perkhidmatan-perkhidmatan yang terhad di Kuala Trengganu itu menghadapi kesesakan, misalnya Hospital Besar di Kuala Trengganu yang memang kecil dan sudah lama memerlukan bangunan baharu itu penuh dengan pelarian-pelarian haram yang meminta rawatan hingga penduduk-penduduk tempatan sendiri menghadapi kesukaran untuk mendapatkan rawatan. Saya sendiri telah pergi melihat sebuah wad kanak-kanak yang sepatutnya boleh hanya memuat kira-kira 30 orang, tetapi pada masa saya pergi malam kelmarin, ada 39 orang anak-anak sedang dirawat di situ dan 15 daripadanya anak-anak Vietnam dan 24 orang anak-anak penduduk tempatan.

Jadi keadaan ini saya bimbang kalau berlanjutan, kemudahan yang ada di Hospital

Kuala Trengganu itu akan menjadi terlalu berat untuk dipikul.

Hospital Besar di Kuala Trengganu itu pun seperti saya katakan tadi amat kecil dan tidak dapat menampung kira-kira 65,000 orang penduduk-penduduk Kuala Trengganu dan dengan tambahan kira-kira 25,000 orang pendatang-pendatang haram dari Vietnam itu bermakna hospital itu terpaksa menampung keperluan untuk tambahan hampir 50% daripada orang ramai. Daripada maklumat yang kita terima menunjukkan bahawa ramai lagi ibu-ibu yang sedang sarat mengandung di pulau-pulau di tempat mereka ditempatkan dan ini bermakna ward-ward di Hospital Kuala Trengganu itu akan lebih menjadi crowded pada masa akan datang.

Selain daripada itu penduduk-penduduk di negeri Trengganu merasa amat gelisah kerana ada khabar-khabar mengatakan bahawa orang-orang Vietnam itu sekarang sudah pandai berkasar-kasar dengan penduduk-penduduk tempatan dan sudah juga pandai minta itu dan ini—pandai demand dan sebagainya. Ada terdengar khabar-khabar yang mengatakan pihak-pihak tertentu sedang menggunakan keadaan ini dengan meluap-luapkan perasaan rakyat, dan ada khabar-khabar yang mengatakan bahawa mereka akan mengadakan tunjuk perasaan dan sebagainya. Semuanya ini merupakan satu gangguan terhadap kehidupan hari-hari orang-orang di negeri Trengganu.

Tuan Pengerusi, apa yang kita ketahui sekarang ialah orang-orang ini lari atau dihalau keluar dari Vietnam, walaupun mereka dihalau atau lari, kita sama sekali tidak merasa selamat.

Pengalaman yang berlaku di Asia Barat, di Lebanon dan Syria khususnya menjadi pengajaran kepada kita bahawa tentang bahayanya memberi perlindungan sementara kepada pendatang-pendatang haram ini. Apa yang kita takuti ialah "sementara" itu mungkin bererti 10 atau 20 tahun. Dalam tempoh itu anak-anak muda akan menjadi dewasa dan kanak-kanak akan menjadi anak-anak muda. Mereka akan menyimpan rasa dendam yang tidak habis-habis terhadap masalah yang menimpa mereka dan mereka akan sanggup melakukan apa sahaja untuk

mencanang atau medramataiskan penderitaan mereka termasuk melakukan jenayah dan keganasan terhadap orang-orang yang tidak berdosa—pihak-pihak yang tidak berdosa. Hal-hal seperti ini sudah pasti akan disusuli pula dengan tindakan balas oleh pihak yang terkena dan berlakulah serangan-serangan senjata seperti yang kita lihat yang berlaku di Asia Barat dan dalam keadaan seperti ini bukan sahaja orang-orang pelarian itu akan menghadapi kehancuran tetapi juga negara kita menghadapi keadaan yang kelam-kabut. Kita juga mestilah curiga tentang kemungkinan seperti yang telah disuarakan oleh beberapa rakan saya tadi bahawa orang-orang pelarian ini mungkin mengandungi ejen-ejen musuh yang sengaja dihantar kemari untuk tujuan-tujuan tertentu dan dengan pertemuan senjata-senjata otomatis dan lain-lain senjata di kalangan mereka itu boleh dikaitkan dengan kemungkinan yang saya sebutkan tadi, maka kita haruslah bersikap berhati-hati dan mengambil tindakan-tindakan pencegahan yang wajar.

Saya bimbang juga mungkin setengah-setengah senjata itu sudah jatuh ke tangan pihak musuh negara sewaktu mereka masih di tengah laut lagi.

Tuan Pengerusi, kita masih menghadapi masalah keselamatan dan penderhakaan dalam negeri ini dan kita tidak boleh membiarkan keadaan seperti ini berlaku dan kerana itu saya sungguh mengharapkan pihak Kerajaan kita bahawa selain daripada menganggap orang-orang ini sebagai satu masalah pendatang-pendatang haram, kita juga haruslah menghadapinya dari segi keselamatan negara, malah kalau perlu kita harus meletakkan soal keselamatan itu di tempat yang lebih tinggi daripada soal menjaga peri kemanusiaan.

Memang peri kemanusiaan merupakan satu amalan yang murni dan divine dan lahir dari hati yang jernih, tetapi kalau kemanusiaan itu dipaksakan kepada kita maka pengertiannya akan hilang dan ia akan menjadi beban kepada kita. Apa yang berlaku ke atas kita sekarang ini ialah satu peristiwa yang berpunca daripada peri kemanusiaan telah bertukar menjadi satu perkara yang menggelisahkan rakyat kita.

Sebagai sebuah negara kecil, Malaysia tidak mempunyai kesediaan dan keupayaan untuk menampung satu beban yang dipaksa ke atas kita secara tiba-tiba. Malaysia tidak terlibat sama sekali dengan perang Indo-China dan kerana itu by-product atau akibat atau natijah daripada peperangan itu tidak harus menjadi beban dan masalah kita.

Dari sejarah kita pelajari bahawa pergeseran yang berlaku di Indo-China itu dimulakan oleh Perancis dan Amerika pula menyambung peranan itu dan dengan mencetuskannya menjadi satu peperangan yang besar. Sama ada tindakan Amerika itu ada justifikasi atau tidak bukanlah untuk kita menghakimkannya, namun demikian satu perkara yang pasti ialah bahawa Amerika dan negara-negara sekutu yang ikut terlibat di dalam perang Indo-China itu haruslah memikul tanggungjawab yang penuh ke atas segala kesan dan akibat dari peperangan itu baik dari segi ketenteraan mahupun dari segi peri kemanusiaan. Kerana itu semua pendatang-pendatang haram di negara ini juga yang ada di negara lain di rantau ini adalah milik mereka yang sah tanpa tolak ansur lagi, Amerika Syarikat terutamanya sebagai juara negara-negara bebas dan sebagai champion hak-hak kemanusiaan, mestilah memikul sebahagian besar daripada masalah ini juga tanpa tolak ansur lagi.

Oleh kerana masalah pendatang-pendatang haram ini melibatkan hampir seluruh negara-negara Asia Tenggara, maka perlulah diadakan satu tindakan yang collective oleh negara-negara yang berkenaan. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan supaya diadakan satu sidang khas Menteri-menteri Luar Negara-negara ASEAN khususnya untuk merangka garis bertindak bagi menyelesaikan masalah ini dengan seberapa segera. Dewan ini telah diberi tahu oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri minggu lalu bahawa masalah pendatang-pendatang haram ini sedang dirundingkan dengan Amerika Syarikat serta beberapa buah negara lain yang menunjukkan keinginan untuk mengambil pendatang-pendatang haram itu. Satu persidangan antarabangsa mengenai hal ini juga sedang diadakan di Geneva sementara kita berdoa supaya hasil yang memuaskan akan diperolehi daripada kegiatan-kegiatan ini.

Malaysia juga harus bersikap bersiap sedia untuk melancarkan kempen diplomasi (diplomatic offensive) dengan bantuan dari rakan-rakan kita dalam ASEAN sekiranya usaha-usaha yang sedang dijalankan itu gagal. Kempen seperti ini hendaklah dilakukan dalam forum-forum Bangsa-bangsa Bersatu terutamanya termasuk dalam Perhimpunan Agung dan juga Majlis Keselamatan, kalau perlu. Sesuai dengan semangat dan objective ASEAN untuk mengujudkan rantau aman, bebas dan berkecuali di kawasan sebelah sini. Kempen seperti ini adalah penting untuk membuka mata dan untuk mengenakan pressure ke atas negara-negara yang terlibat dalam perang Indo-China itu dan membuka mata negara-negara yang tidak faham atau tidak mahu faham tentang bagaimana besar dan rumitnya masalah yang kita hadapi dan akan kita hadapi sekiranya masalah ini dibiarkan berpanjangan.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini kita perlulah menggunakan wartawan-wartawan asing yang banyak datang ke negara ini sekarang untuk membuat liputan mengenai pendatang-pendatang haram ini untuk menolong menerangkan kepada negara-negara lain dalam dunia keadaan yang sebenarnya berlaku di negara kita ini. Sewaktu saya berada di Kuala Trengganu, saya lihat satu kumpulan wartawan-wartawan asing termasuk jurugambar TV telah berkumpul di Kuala Trengganu dan terpaksa merayau ke sana ke mari untuk meminta bantuan dan pertolongan serta kemudahan untuk membuat liputan pendatang-pendatang haram itu.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Alias bin Md. Ali: Ada sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Sedikit itu banyak mana?

Tuan Alias bin Md. Ali: Bolehkah beri saya masa dua minit lagi?

Tuan Pengerusi: Bolehlah.

Tuan Alias bin Md. Ali: Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan kita mengadakan kemudahan-kemudahan yang tertentu untuk wartawan-wartawan asing ini dan juga wartawan-wartawan dalam

negeri ini sendiri untuk membuat liputan yang bermakna supaya negara-negara di luar negeri kita ini dapat memahami masalah yang kita hadapi sekarang.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa ada negara-negara yang mendakwa menjadi juara peri kemanusiaan seperti yang saya katakan tadi tidak berlengah-lengah untuk mengutuk sebarang tindakan yang mereka anggap di luar peri kemanusiaan, kalau ia dilakukan oleh pihak lain, tetapi mereka sendiri tidak sanggup berbuat apa satu pun untuk membantu meringankan beban negara-negara yang berkenaan. Britain adalah salah satu daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi. Mereka bersimpati dengan kita tetapi tidak mengambil seorang pun orang-orang pelarian yang ada di kawasan ini. Ada juga negara-negara yang sanggup menerima hanya orang-orang profesyenal seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari. Di antara negara-negara yang saya maksudkan ialah Perancis dan Australia.

Saya menganggap bagi negara-negara ini peri kemanusiaan pun mereka mahu kelaskan. Golongan ketiga, ialah negara-negara yang sanggup berjanji tetapi mengambil masa yang terlalu lama untuk bertindak dan dalam proses menunaikan janji itu membiarkan beban yang kian bertambah itu terus dipikul sendiri oleh negara yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

4.00 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian membahaskan peruntukan yang diminta oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya suka menyentuh Maksud Bekalan 38, Butiran 1100, Aktiviti (2) dan (3) iaitu Keselamatan Sempadan dan Keselamatan Negeri.

Tuan Pengerusi, walaupun telah tiga orang dengan semalam rakan-rakan saya telah bercakap menyentuh mengenai pendatang-pendatang haram dari Vietnam ke negara

kita ini, tetapi saya rasa perlu masalah pendatang haram ini dicakapkan oleh seberapa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kerana pada hemat saya perkara ini untuk ketika ini adalah perkara yang begitu penting dibahas dan dibincangkan dengan serius kerana ia menyentuh kepentingan orang ramai dan negara kita dari segi kestabilan politik dan sosial.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, ketika ini setiap hari apabila kita membaca suratkhbar-suratkhbar, kita pasti akan tersua dengan berita pendatang-pendatang haram dari Vietnam ini mendarat di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia ini. Yang datang itu bukan sedikit, beratus malah beribu jumlahnya. Bila tiba hampir di pantai negeri kita mereka sengaja membocorkan bot yang mereka naiki, seolah-olah itu sebagai satu syarat mutlak yang harus dipenuhi untuk dapat kebenaran mendarat di negeri kita. Jumlah mereka yang telah berada di negeri kita sekarang telah mencapai ke angka lebih kurang 40,000 orang. Berapa ramai lagi yang akan tiba? Wallahualam, hanya Tuhan sahaja yang tahu.

Tuan Pengerusi, kehadiran pendatang-pendatang haram itu ke negara kita ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah sama ada masalah politik, lebih-lebih lagi masalah sosial. Berbagai pandangan dan pendapat dari negara-negara luar diberikan atas sikap dan cara negara kita melayani dan menghadapi masalah pendatang-pendatang haram itu. Ada yang menuduh kita kejam dan tidak berperikemanusiaan, ada pula yang menganggap Malaysia tersangat baik, terlalu pemurah dan terlalu berperikemanusiaan. Maka itulah yang mendorong dan menggalakkan pendatang-pendatang haram itu berduyun-duyun ke mari. Dan ada pula yang menganggap kita terlalu lemah dan tidak berupaya mengatasi masalah-masalah yang sekecil itu.

Tuan Pengerusi, pada saya sekarang bukanlah masanya untuk kita mengambil hirau, bukan masanya saya katakan untuk kita mengambil hirau apa orang lain kata.

Apa yang perlu kita buat, kita mesti bertindak dan mengambil apa juga langkah yang kita fikirkan elok bagi menjamin keselamatan, kedaulatan negara dan kesejahteraan rakyat kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat pengumuman dalam Dewan yang mulia ini pada hari Rabu, 22hb November, 1978 yang lalu bahawa Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Petugas. Pasukan Petugas ini ditubuhkan bagi mengambil langkah-langkah mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram itu dan Pasukan Petugas itu akan dibantu oleh pegawai-pegawai tentera, polis dan awam. Keputusan Kerajaan menubuhkan Pasukan Petugas ini adalah diambil kerana Kerajaan berpendapat bilangan pendatang-pendatang haram itu sudah melebihi dan sampai ke peringkat yang membahayakan negara.

Tuan Pengerusi, rakyat sentiasa menyokong penuh sebarang langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi mencegah kedatangan lebih ramai pendatang-pendatang haram itu ke negeri kita. Dalam hubungan ini apa yang orang ramai tidak faham dan apa yang orang ramai tidak mengerti ialah walaupun Pasukan Petugas itu sudah ditubuhkan dan barangkali sudah bertugas sekarang tetapi bot-bot pendatang haram dari Vietnam itu dapat juga sampai dan mendarat di pantai-pantai negara kita. Nampaknya mudah benar perairan kita ini disusupi dan dimasuki. Ini bukan lagi musuh-musuh, ini baru bot-bot dari Vietnam yang tidak mempunyai apa-apa senjata. Mereka dapat meluluskan diri, mengelakkan diri daripada Pasukan Pertahanan atau kawalan kita, datang dengan mudahnya mendarat di pantai negara kita.

Inilah yang rakyat tidak faham, dan berbagai-bagai pertanyaan dan soalan timbul dari kepala kita, apakah yang dibuat oleh bot-bot peronda kita di perairan sana? Adakah mereka ini sengaja membiarkan bot-bot pendatang haram itu lepas dan mendarat di negara kita? Kita pernah dengar Menteri mengatakan kita mempunyai Pasukan Pertahanan yang cukup dan cekap. Dengan kedatangan bot-bot ini setiap hari

segala keterangan-keterangan itu sudah boleh dipertikaikan. Apakah atau bagaimanakah keadaan pasukan kawalan kita ini, adakah tenaga dan alat kelengkapan pertahanan kita itu tidak mencukupi hingga menyebabkan banyak bot-bot itu lepas? Adakah alat-alat dan kelengkapan yang kita punyai, yang Pasukan Pertahanan kita punyai sudah out-of-date, tidak dapat mengesan kedatangan bot-bot tadi? Inilah soalan-soalannya yang timbul dalam kepala kita sekarang. Kalau bot-bot ini tidak dapat kita halang dari datang ke negara kita begitu banyak, bagaimana pula kalau yang datang itu musuh?

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun saya faham dan saya sangat bersimpati dengan tugas berat yang dipikulkan oleh ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita dan adalah satu perkara yang sukar untuk membuat kawalan yang berkesan bagi menjaga pantai yang beratus batu panjangnya itu. Saya juga sedar bahawa kita tidak mempunyai kemampuan dalam segi tenaga dan peralatan yang cukup untuk menjaga setiap inci perairan negara kita ini dari dicerobohi oleh pendarang-pendatang haram itu.

Oleh yang demikian, pada hemat saya, Tuan Pengerusi, sudah sampailah masanya Kerajaan kita mesti mengambil satu sikap yang tegas menghadapi masalah-masalah pendarang haram ini iaitu pendarang dari Vietnam ini. Maka saya suka mencadangkan supaya Kerajaan menghantar satu perwakilan dari negara ini ke negara Vietnam membincangkan masalah pendarang-pendatang haram ini dan kalau boleh meminta dan menggesa Kerajaan Vietnam menghentikan perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini. Kerajaan Vietnam tidak boleh melarikan tanggungjawabnya ke atas pelarian-pelarian ini dan jika perundingan ini tidak mendapat apa-apa kejayaan atau gagal, maka demi untuk menjaga keselamatan, kesejahteraan dan kedaulatan negara kita dari dicerobohi, saya suka mencadangkan supaya perairan negara kita ini perlu dipagari dengan periuk-periuk api dan apa-apa senjata lain yang lebih berkesan untuk menghentikan kemusuhan pendarang-pendatang haram ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.10 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, insya Allah saya tidak akan bercakap panjang. Saya ingin menyentuh B. 38, Butiran 1100 mengenai Aktiviti (5) Ikatan Relawan Rakyat (RELA). Di dalam keadaan negara kita sedang dibanjiri oleh pendarang-pendatang haram yang disebut seorang demi seorang oleh sahabat-sahabat saya tadi, saya rasa sudah sampai masanya Ikatan Relawan Rakyat (RELA) kita perkemaskan dan saya harap segala tenaga yang ada pada hari ini hendaklah dipergunakan dan di samping itu hendaklah kita perhatikan segala kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan yang dipunyai oleh Angkatan Relawan Rakyat pada hari ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menceritakan satu kisah mengenai satu tempat RELA di negeri Kelantan iaitu di daerah Tumpat. Sesuai dengan tugas yang kita harapkan daripada RELA ini maka saya sangat dukacita melihat keadaan yang wujud kepada RELA di daerah Tumpat, Kelantan. Dua hari lepas, saya berpeluang melihat Pejabat RELA di Tumpat, ingin saya sebutkan di sini bahawa Pejabat RELA itu hanya menumpang sebuah gobok buruk, saya tidak suka menyebut sebagai bangunan buruk tetapi gobok yang buruk, di dalam kawasan Pejabat Polis dan bangunan ini akan dirobohkan bila-bila masa sahaja apabila pihak Polis tidak mahukan bangunan itu lagi. Luasnya Pejabat ini saya ukur 8' x 12' sahaja dan di dalam Pejabat ini terdapat dua buah meja yang buruk, tiga buah kerusi yang buruk seorang apa yang dikatakan Pegawai Luar Daerah RELA, tidak ada sebuah typewriter, tidak ada seorang kerani, tidak ada sebuah Pejabat, yang dimaksudkan Pejabat itu ialah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak hairanlah kalau sekiranya RELA di kawasan Tumpat yang mengandungi 2,000 orang yang mempunyai senapan patah sebanyak 500 itu tidak dapat berjalan dengan secara berkesan. Saya harap pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada memperlengkapkan Yunit RELA ini bersendirian dengan sebaik-baiknya ataupun benar-benar meletakkan Yunit RELA ini di bawah tanggungjawab

Pejabat Polis sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat Negeri bahkan juga di peringkat-peringkat daerah dan mukim-mukim.

Tuan Pengerusi, ingin juga saya menyentuh sedikit berkenaan dengan B. 39 Aktiviti 1100 iaitu Butiran (3). Saya ingin menyentuh mengenai Polis Simpanan (PVR). Saya berharap bahawa pihak Kerajaan hendaklah memperbanyakkan lagi PVR ini kerana kita dapati tugas-tugas mereka yang cemerlang ini tidak dapat dinafikan, janganlah hendaknya apabila kita menghadapi sesuatu masalah barulah kita berusaha hendak menambahkan Angkatan atau orang-orang simpanan untuk dikerahkan. Jadi memandangkan keadaan keselamatan yang kita hadapi pada hari ini dan juga keadaan keselamatan yang kita hadapi sejak tahun 1948 lagi rasa saya pasukan PVR ini hendaklah diperbesarkan dan biarlah mereka ini dijadikan satu Pasukan yang boleh dikerah pada bila-bila masa sahaja bukan hanya setakat untuk mengawal jalan-jalanraya untuk kawalan tempat-tempat perayaan seperti mana yang kita buat pada hari ini.

Satu perkara lagi, berkenaan dengan Butiran yang sama Aktiviti (4)—Risik Keselamatan. Saya merasa hairan bersama-sama dengan saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain nampaknya kerjakerja risik keselamatan kita di sini hendak dikatakan tidak memuaskan, agak memuaskan juga tetapi yang menghairankan ialah macam manakah pendatang-pendatang haram ini dapat masuk sampai ke pantai-pantai kita. Ini yang menjadi masalah. Saya tidak marah dan saya tidak hendak menyatakannya kepada petrol boat dari TLDM, mungkin mereka mempunyai had-had yang tertentu. Tetapi tugas risik keselamatan ini hendaklah ditekankan macamana mereka ini sampai ke pantai kita, baru kita tahu adanya orang Vietnam. Perkara ini bukan satu perkara yang baru, lebih kurang 6 bulan yang lepas semasa saya berada di bandar Tumpat, pada satu malam berkenaan saya diberitahu sebuah bot datang dan saya pun berkejar ke tempat itu, saya dapati lebih kurang 100 orang datang dalam bot dan daripada apa yang dapat kami diberitahu tidak ada seorang pun yang dapat mengesan kedatangan itu sehingga menjejakkan kakinya

di bumi Malaysia ini, di manakah letaknya risik keselamatan di negara ini.

Berkenaan dengan pendatang-pendatang haram ini, pertama sekali saya haraplah supaya Kementerian berkenaan mengarahkan setiap akhbar di negara ini hendaklah menggunakan istilah ini secara betul, jangan menggunakan "refugees" lagi. Jangan menggunakan "orang-orang pelarian" lagi kerana taraf refugees dan orang-orang pelarian ini kita tahu di mana letaknya arahan dan dasar Kerajaan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di dalam Dewan ini walhal pada keesokkan harinya akhbar-akhbar tempatan membawa berita orang-orang pelarian "refugees from Vietnam". Perkara ini hendaklah diambil berat oleh pihak-pihak yang berkenaan, kerana setiap berita yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan ini mungkin akan dipergunakan oleh pihak-pihak luar daripada negara ini dan inilah perkara yang menjadi peluang kepada pihak-pihak luar untuk mengecam dan untuk mengadakan sesuatu kepada kita, kalau sekiranya segala amalan dan perbuatan kita ke atas orang-orang pendatang haram ini tidak dipersetujui oleh mereka itu. Jadi melihatkan keadaan orang-orang pendatang haram ini begitu banyak maka rasanya sudah sampai masanya kita memikirkan bahawa kita melihat mereka ini lebih serius lagi daripada apa yang pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini beberapa hari yang dahulu. Saya khuatir di samping kita tidak dapat menafikan adanya mereka itu datang ke negara ini secara betul kerana lari daripada sebab-sebab yang tertentu, tetapi kita tidak dapat menafikan ada kemungkinan besar mereka ini mengambil peluang datang ke negara ini untuk tujuan-tujuan yang tertentu. Misalnya kita tidak dapat menafikan kemungkinan adanya mereka ini menyeludup masuk setelah diberi latihan-latihan yang tertentu.

Kedua, kita tidak dapat menafikan kemungkinan bahawa pihak-pihak subversif atau pihak-pihak yang bertentangan dengan negara ini hendak menarik perhatian keselamatan negara ini daripada hutan-hutan daripada sempadan Malaysia-Thai ke pantai-pantai supaya mudah-mudahan apabila kita melenting dengan soal ini, kita akan mengerahkan seluruh tenaga, seluruh kekuatan yang

ada pada negara ini ke pantai-pantai tersebut maka pada masa itulah segala orang-orang yang sedang menunggu seperti pacat menunggu hujan hendak menyerang negara ini akan masuk daripada semua penjuru. Walaupun negara kita ini kita tidak bersetuju adanya atau wujudnya teori domino, tetapi teori domino ini, bersetuju atau tidak bersetuju tetapi pada saat-saat yang tertentu patut dibaca kembali dan diteliti kembali macam manakah caranya teori domino ini berkembang daripada peringkat ke peringkat dan saya khuatir ini adalah merupakan satu helah dan kalau kita tidak pandai menerima ataupun menolak apa-apa perkara kita buat terhadap orang-orang pendatang haram ini, saya khuatir akan wujud pula golongan-golongan yang tertentu yang kemungkinan berasal dari satu negeri, berasal satu keturunan sama ada di dalam negeri atau di luar negeri ini, akan mengambil kesempatan-kesempatan yang tertentu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Hussein bin Mahmood: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Baik, seminit lagi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Satu minit lagi.... akan mengambil kesempatan-kesempatan yang tertentu. Boleh jadi ini akan mengambil bentuk teori domino yang baru kerana sejarah telah menunjukkan kepada kita bagaimanakah caranya negara-negara pernah ditakluki, negara-negara pernah diperangi dan negara-negara secara tak langsung dan secara tak disedari oleh mereka itu sendiri terlibat dalam peperangan, bacalah sejarah ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.21 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, saya hendak sebut perkara B. 43, Butiran 1100 mengenai Kurungan dan Pemulihan Orang Tahanan.

Tuan Pengerusi, saya merayu bahawa dalam perkara Kurungan dan Pemulihan Orang Tahanan (Custody and Rehabilitation of Detainees) di mana kita ada Kem Tahanan

Taiping, Kem Tahanan Batu Gajah bahawa Kerajaan Malaysia mesti mematuhi standard minimum rules for the treatment of prisoners, satu Convention yang diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu tetapi nampaknya di negara kita, kita sudah melanggar United Nations Convention mengenai standard minimum rules for the treatment of prisoners. Saya hendak sebut khasnya mengenai Kem Tahanan di Batu Gajah yang saya dapat tahu bermula bulan Mac tahun lalu satu peraturan-peraturan baru atau pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri diadakan di mana layanan diberi kepada tahanan-tahanan politik sungguhpun dinafikan oleh pihak Kerajaan kita semua tahu mereka semua adalah tahanan-tahanan politik dalam Batu Gajah sangat terperanjat. Saya dapat tahu misalnya ada tiga kategori yang dibuat. Satu kategori ialah tahanan-tahanan di mana untuk setiap hari 24 jam, 21 jam mereka dikurung dalam cell perseorangan (solitary cell) dan ada kategori kedua di mana untuk setiap hari 19 jam mereka dikurung dalam cell mereka dan kategori ketiga di mana mereka dikurung 16 jam dalam cell mereka. Sungguhpun peraturan ini dimulakan daripada bulan Mac, 1977 (satu tahun lapan bulan) semua tahanan-tahanan dalam Kem Batu Gajah diletak dalam kategori pertama ialah di mana setiap hari 24 jam barulah 3 jam mereka dibenar keluar daripada cell mereka. Inilah solitary confinement yang terlalu panjang, apakah sebabnya? Adakah ini satu cara collective punishment. Saya rasa ini sangat tidak berpatutan, tidak adil dan tidak memberi satu gambaran yang baik terhadap Malaysia dan bukan sahaja mereka dikurung 21 jam setiap hari dalam cell mereka tetapi kemudahan-kemudahan lain pun ada dikurangkan, seperti menerima surat atau menulis surat atau mendapat lawatan daripada keluarga mereka atau mendapat bahan-bahan bacaan atau mendapat kemudahan-kemudahan dan layanan-layanan perubatan.

Satu sungutan yang besar ialah mengenai peraturan di mana mereka mesti digari (handcuffed) apabila mereka pergi ke rumah sakit, itu tentulah dan apabila kena operation dalam rumah sakit pun digari. Ini satu peraturan yang melanggar United Nations standard minimum rules for the treatment of prisoners di mana Malaysia adalah menjadi ahli dalam Bangsa-bangsa Bersatu. Saya

harap bahawa pihak-pihak berkenaan boleh review perkara ini dan janganlah terus mengadakan collective punishment dalam Batu Gajah Detention Camp. Saya rasa ini sangat tidak adil dan mereka mesti dibenarkan seperti dahulu sebelum bulan Mac tahun 1977, dibenarkan boleh keluar daripada cell mereka untuk kegiatan-kegiatan yang sihat, yang tidak merosakkan kesihatan mereka oleh kerana apabila dikurung dalam cell untuk 21 jam ini tentulah satu sebab yang mengakibatkan ramai detainee politik yang rosak kesihatan mereka. Di sini saya harap bahawa perkara tahanan-tahanan politik boleh dikaji semula oleh kerana kita tidak boleh mengadakan satu keadaan di mana ada lebih 50 orang tahanan-tahanan politik yang sudah dipenjarakan atau ditahan lebih 5 tahun. Di sini saya harap bahawa tahanan saudara-saudara di pihak sini, iaitu saudara Chan Kok Kit dan saudara Chian Heng Kai yang ditahan bukan oleh kerana apa-apa kesalahan boleh dibebaskan dengan serta-merta.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebut perkara B. 40 mengenai pendatang-pendatang daripada Vietnam. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat sebut mengenai pendatang-pendatang daripada Vietnam—pelarian-pelarian atau pendatang-pendatang haram. Saya rasa kita tidak boleh elak daripada tanggungjawab peri kemanusiaan kita. Sungguhpun perkara ini ada menimbulkan masalah yang rumit untuk negara kita, kita pun ada tanggungjawab dan saya rasa apa seruan yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman bahawa Kerajaan kita, negara kita mesti rela menempatkan mereka yang datang ke negara kita, masuk dalam kawasan perairan kita untuk sementara sebelum mereka ditempatkan di lain-lain negara adalah satu seruan yang mesti diambil perhatian dan diterima oleh Kerajaan oleh kerana kalau tidak ada berlaku apa yang sudah berlaku, pelarian-pelarian atau orang daripada Vietnam masuk perairan Malaysia dan hilang nyawa mereka, saya rasa ini bukan sahaja satu perkara tidak berperi kemanusiaan, tetapi tidak baik untuk negara kita dalam pandangan dunia antarabangsa. Ini bukan bererti bahawa kita mencadangkan mereka diterima, ditempatkan tetapi untuk sementara saya rasa kita tidak boleh elak daripada

tanggungjawab ini. Sungguhpun satu perkara yang menimbulkan keraguan syak-wasangka ialah dasar-dasar yang berbeza mengenai pelarian daripada Vietnam dan pelarian daripada Filipina Selatan yang masuk ke Sabah, sungguhpun terdapat sebab-sebab yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan saya rasa ini satu sebab yang tidak boleh diterima dan apa yang kita hendak tahu ialah kenapa ada dasar-dasar yang berbeza dalam dua perkara ini di mana di Sabah dasar untuk pelarian daripada Filipina Selatan adalah satu dasar 'buka pintu' dan satu penerangan yang lebih memuaskan hati perlu diberi berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya hendak sebut B. 42 mengenai kewarganegaraan kerakyatan. Saya rasa satu komplek, sungutan di seluruh negara ialah mengenai permohonan untuk menjadi rakyat/warganegara di mana ada permohonan yang memakan masa 4-5 tahun, lebih daripada itupun ada tetapi belum dapat keputusan. Mereka pun telah lulus ujian bahasa Malaysia, mereka memenuhi semua syarat-syarat untuk menjadi warganegara. Perkara ini telah ditimbulkan di Dewan ini banyak kali, khasnya oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan sebab-sebab yang diberi selalu ialah ianya memakan masa. Saya rasa ini satu jawapan yang kita tidak boleh terima (unacceptable), sehingga kita sampai di satu peringkat di mana kita mahu bertanya, adakah ini disengaja, delay ini satu cara yang sengaja, tetapi bukan oleh kerana kelemahan-kelemahan jentera pentadbiran, tetapi sengaja, dan kalau sengaja kita mahu tahu kenapa sengaja dibuat. Saya rasa ini adalah tidak adil dan kalau ini bukan disengajakan, ini menunjukkan bahawa jentera pentadbiran tidak cekap dan mesti dioverhaul. Kita selalu bercakap mahu kecekapan (efficiency) dalam jentera Kerajaan. Nampaknya dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, khasnya Jabatan Kewarganegaraan mesti ada satu overhaul dalam orang-orang atasan, pengarahnya siapa, mesti dioverhaul, kalau tidak ada pengarah-pengarah yang boleh memproses permohonan dengan cekap tukar semua, pindahkan semua kerana kita mahu efficiency, action oriented di semua Jabatan, termasuk Jabatan Kerakyatan Kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Baling.

4.32 ptg.

Tuan Haji Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil bahagian dalam soal keselamatan, khususnya mengenai pelarian orang-orang Vietnam ataupun kemasukan secara haram orang-orang Vietnam ke negara ini.

Bagi saya bukanlah satu kebetulan lawatan yang hampir serentak yang dilakukan oleh pembesar-pembesar daripada negeri China dan juga Vietnam ke negara ini baru-baru ini. Saya yakin bahawa ada suatu perencanaan telah diatur oleh kedua-dua negara itu untuk menyelesaikan perselisihan mereka berpunca daripada orang-orang China yang tinggal di Vietnam. Apakah mereka telah memilih Malaysia sebagai jalan keluar bagi menyelesaikan masalah mereka. Kita mestilah membuat andaian ini dan politik itu sebenarnya merupakan andaian di dalam perkara-perkara yang kita sukar mendapat maklumat yang sebenarnya. Jika sesuatu maklumat tidak diketahui kita mestilah membuat sesuatu andaian yang bersifat ikhtiar atau pengawalan penjagaan dan bertindak mengikut andaian-andaian itu. Dalam hal ini saya amat kesal di atas sikap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang cuai di dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi mencegah pendatang-pendatang haram dari Vietnam itu.

Sewaktu pendatang-pendatang haram itu datang secara kecil-kecilan, Kerajaan selalunya tidak mengambil langkah tegas dengan alasan bahawa keadaan belum lagi terdesak, pada hal kedatangan orang-orang asing secara demikian walaupun seorang adalah menyalahi dan melanggar undang-undang negara kita.

Kecuaian Kerajaan dalam mengambil tindakan sejak dari awal-awal lagi memberi lampu hijau kepada orang-orang lain di Vietnam untuk datang ke Malaysia. Seperti kata seorang pegawai kedutaan Amerika, Kerajaan Malaysia terlalu berpersi kemanusiaan. Bagi saya kecuaiannya Kerajaan sehingga membolehkan orang-orang Vietnam itu datang beramai-ramai ke negeri ini bukanlah kerana berpersi kemanusiaan,

kerana Kerajaan juga pernah mengambil tindakan-tindakan yang tidak berpersi kemanusiaan ke atas warganegaranya sendiri, tetapi ini membayangkan suatu kelemahan. Apakah boleh dikatakan berpersi kemanusiaan sekiranya layanan-layanan dan penerimaan pelarian-pelarian Vietnam itu menjejaskan keselamatan dan ketenteraman rakyat negara ini? Apakah boleh dinamakan berpersi kemanusiaan jika anak kera di hutan disusui dengan mengambil habuan daripada habuan anak sendiri? Dengan sebab itulah maka saya menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang tegas dan di sinilah saya mempersoalkan kebijaksanaan diplomasi kita di dalam menyelesaikan masalah-masalah ini.

Kemudian saya akan menyentuh pula mengenai Maksud B. 39, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Siasatan Jenayah.

Tuan Pengerusi, di dalam soal siasatan jenayah ini, saya pernah mengalami kurungan selama dua bulan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan ditempatkan bersama-sama dengan penjenayah-penjenayah di dalam lokap. Di dalam hal ini saya dapati bahawa pihak Polis berlaku kejam terhadap orang-orang yang dituduh yang belum tahu salahnya dan saya mendengar sendiri raungan-raungan daripada orang-orang yang disyaki itu kerana ditumbuk ataupun kerana dilakukan sesuatu penyeksaan yang di luar daripada peri kemanusiaan. Saya kira masalah ini sudah dapat diperbaiki, tetapi bukti-bukti menunjukkan bahawa pihak Polis makin bertambah kejam dalam soal ini, walaupun saya tidak mahu mengemukakan buktinya kerana bukti itu adalah masih dalam penyiasatan mahkamah, tetapi keadaan-keadaan yang seperti ini menunjukkan bahawa Polis telah menjalankan tindakan-tindakan yang hendak menjadikan negara ini sebagai negara fasis, sebagai negara yang kejam yang tidak berpersi kemanusiaan. Dengan sebab itulah maka siasatan-siasatan jenayah itu hendaklah dilakukan secara yang wajar untuk membuktikan sebenarnya bahawa orang-orang yang dituduh itu bersalah, bukannya dengan melakukan tindakan-tindakan kejam dengan menumbuk dada mereka sehingga menimbulkan kecederaan kepada mereka, walaupun mereka tidak dapat dibuktikan bahawa Polis telah bertindak kejam ke atas mereka. Inilah

suatu perkara yang sangat berat yang dilakukan oleh pihak Polis dan jika sekiranya keputusan mahkamah yang akan datang ini membuktikan bahawa apa yang berlaku itu sebenarnya berlaku, maka saya menuntut supaya Ketua Polis Negara meletakkan jawatan kerana ia lalai di dalam menjalankan tugas-tugasnya dan berlaku kejam dan mengalihkan tugas-tugas Polis itu untuk menjadikan negara ini sebagai negara fasis.

Saya menyeru Kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri supaya mengambil berat tentang hal ini dan menyiasat setiap tempat-tempat tahanan di mana keadaannya sangat tidak wajar, di mana keadaannya sangat kotor, di mana keadaannya sangat tidak memuaskan, pada hal orang-orang yang ditahan itu baru hanya disyaki sahaja, bukan lagi merupakan orang-orang yang telah salah, walaupun orang-orang itu menerima kesalahan. Tempat-tempat yang dikurung orang-orang yang bersalah itu pun perlulah juga sesuai dengan kehidupan manusia dan apa yang ada setengah-setengahnya hanya layak untuk ditempatkan binatang-binatang sahaja.

Sekianlah sahaja, saya tidak mahu bercakap panjang dalam hal ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Parit.

4.28 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud B. 40, muka surat 331, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Kawalan Imigresen.

Saya turut menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan pendatang haram ke negara kita ini. Pada pendapat saya Jawatan-kuasa Pengawas yang dibentuk oleh Kerajaan baru-baru ini hendaknya biarlah mengandungi wakil daripada Jabatan Imigresen kerana sebarang kemasukan atau pendatang haram ke negara ini bukan sahaja memerlukan siasatan dari segi keselamatan, khususnya dari anggota-anggota polis dan tentera, akan tetapi dari segi Imigresen amatlah perlu memandangkan nama-nama pendatang ini memerlukan penyelidikan dan juga siasatan yang begitu rapi.

Saya suka mengesyorkan supaya semua senarai nama-nama pendatang haram ini dijadikan satu rekod penting oleh Jabatan Imigresen bagi kepentingan masa hadapan dan rujukan masa hadapan kemasukan pendatang-pendatang haram seumpama ini. Saya juga bersetuju dengan pendapat daripada Timbalan Perdana Menteri berkenaan kemungkinan besar pendatang-pendatang haram ini terdiri daripada Vietcong dan siasatan juga menunjukkan pendatang-pendatang haram ini juga dari Chinese origin. Kita juga khuatir kemungkinan bahawa ada di antara mereka ini pernah lari dari negara kita iaitu semasa kerahan tenaga (manpower) dikenakan dahulu. Itulah sebabnya senarai nama-nama mereka itu perlu disimpan dan menjadi rekod Jabatan Imigresen.

Soalan rondaan di kawasan perairan kita oleh pihak Polis dan Tentera Laut Di Raja dan pengumuman Kerajaan baru-baru ini supaya kawasan kita dironda juga dengan melalui udara, bagi kedua-dua pasukan ditugaskan mengawal meronda kawasan perairan kita. Saya suka mengesyorkan supaya Pegawai-pegawai Imigresen turut serta dalam rondaan itu. Ini ialah kerana selain daripada maklumat hasil tangkapan mereka yang datang secara haram itu dapat disiasat, kemungkinan pihak Imigresen boleh membantu anggota keselamatan secara lebih mudah.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyatakan negara-negara Komanwel patut sama-sama menyelesaikan masalah pendatang haram yang banyak masuk ke negara kita ini. Saya kira bukan sahaja kepada negara-negara komanwel, perkara ini patut diberitahu, memandangkan masalah ini merupakan satu issue baru yang melanda salah satu daripada negara lingkungan Kommanwel dan kita tahu di Malaysia ini negeri-negeri yang terlibat ialah Kelantan, Trengganu, Pahang dan sedikit sebanyak di Johor. Kita lebih khuatir kalau negeri-negeri yang lain yang dianggap terdedah akan menjadi saluran masuk pendatang-pendatang haram ini. Saya juga berpendapat sekiranya masalah ini tidak dapat diselesaikan melalui negara-negara Komanwel biarlah kita membuat kepastian merujuk perkara ini kepada Bangsa-bangsa Bersatu. Saya mengatakan demikian kerana

masalah ini mungkin menimpa negara-negara yang menjadi anggota-anggota Bangsa-bangsa Bersatu memandangkan masalah peperangan, perbalahan, persengketaan antara beberapa blok negara asing sering berlaku di sana sini. Jadi kita dapat mencari jalan penyelesaian melalui satu pasukan yang ditubuhkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan tidaklah ini menjadi satu beban kepada sesebuah negara sahaja.

Tuan Pengerusi, kita memang bersimpati dengan orang-orang pelarian seumpama ini, malangnya kita juga menghadapi problem kita sendiri seperti ancaman keselamatan yang belum lagi dapat kita selesaikan. Kita juga memandangkan kemasukan pendatang haram ini dari segi kesihatan rakyat di negara ini. Manalah kita tahu beban penyakit yang melanda Vietnam selepas perang boleh masuk ke negara kita dengan begitu mudah. Kita tidak hairan kemungkinan besar pendatang-pendatang haram ini mempunyai satu motif yang lain yang kita juga tidak ketahui boleh melibatkan kesihatan rakyat di negara ini. Kita elakkanlah soal gadis-gadis, wanita-wanita dari kalangan pendatang haram ini menambahkan bilangan pelacuran di negara kita. Apakah akan jadi jika kuman-kuman penyakit yang sedia ada di Indo-China itu akan menjangkiti negara kita? Barang di-jauhkan oleh Allah masalah ini, hendaknya janganlah sampai menimpa negara kita.

Tuan Pengerusi, ada banyak masalah lain yang terlibat hasil daripada kemasukan pendatang haram ke negara ini. Problem sosial yang masih belum dapat kita selesaikan akan menjadi bertambah lagi sekiranya kita tidak bersikap tegas menghalang kemasukan pendatang haram ini.

Saya sungguh bersimpati dengan negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang dan negeri-negeri yang terlibat yang menjadi sasaran kepada pendatang haram ini. Yang menjadi khuatir sangat ialah motif tumpuan mereka ke negeri-negeri tersebut kerana adakah ini satu issue politik yang baru atau sengaja diadakan oleh kalangan pendatang-pendatang haram ini sendiri yang mungkin sedikit sebanyak tahu bahawa negeri-negeri tersebut tidak sesak dengan penduduk seperti yang terdapat di negeri-negeri di sebelah Barat Semenanjung Malaysia. Oleh yang

demikian, saya fikir masalah ini perlu dikaji dari semua segi dan sudut agar tidak membahayakan keharmonian hidup rakyat negara ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

4.47 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Saya sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga dalam membahaskan peruntukan Kementerian ini menyentuh Maksud B. 38, Butiran 1100, Aktiviti 3, 4 dan 5 mengenai keselamatan dalam negeri, sebagaimana yang telah diucapkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai pendatang-pendatang haram ini ke negara kita. Saya merasa hairan mengapakah pendatang-pendatang haram yang banyak datang ke negara kita ini tertumpu ke Trengganu. Sehingga hari ini barangkali lebih daripada 25,000 orang ada di Trengganu. Mereka datang sejak beberapa lama sejak tahun 1975, sudah ramai.

Saya hairan mengapakah pihak keselamatan dalam negara kita ini tidak membuat satu jagaan yang rapi daripada dahulu lagi. Saya tidaklah menuduh bahawa pihak keselamatan dalam negeri ini cuai tetapi semacam kealpaan saya nampak ada. Kealpaan yang saya maksudkan, ialah mereka itu datang ke Trengganu seolah-olah telah dirancang dengan begitu baik dan rapi sekali. Sebab ada bukti-bukti, ada satu rombongan mereka datang seorang daripada mereka menyebut-nyebut nama orang-orang yang ada di Trengganu.

Kedua, sebelum rombongan itu datang ada diberitahu bahawa pertukaran wang mereka melalui sebuah bank tempatan sudah di "arrange". Jadi di manakah lobang yang boleh dimasuki perkara ini. Saya nampak satu perkara sahaja iaitu pengiriman surat daripada orang-orang ini dibebaskan. Maksud saya bukan dibebaskan dengan membolehkan mereka pergi ke post office sendiri untuk menghantar surat itu ke negeri mereka, tetapi surat-surat itu diatur dengan sedemikian rupa untuk dihantar ke negeri mereka. Saya tidak tahu barangkali pihak keselamatan telah menapis dan membukanya tetapi saya mempercayai bahawa melalui surat

ini adalah merupakan satu jalan untuk mereka membuat rencana untuk mereka masuk ke Trengganu khususnya ke negara kita ini dengan begitu licin sekali. Jadi sekarang perkara ini sudah sampai kepada kemuncak (climax) di mana Kerajaan kita sudah sedar dan satu pasukan petugas telah ditubuhkan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengambil berat atas perkara ini.

Dan untuk melicinkan perjalanan Pasukan Petugas ini, saya menyeru kepada Kerajaan supaya semua pulau-pulau di perairan Pantai Timor ini daripada Tioman, Tinggul, Pulau Kapas, Pulau Redang, Pulau Perhentian itu dijadikan base tentera kita untuk mengawal laut ataupun perairan negara kita ini.

Yang kedua, saya syorkan juga kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai Aktiviti (5)—Ikatan Relawan Rakyat itu supaya diberi kuasa yang lebih ataupun kalau perlu diberi gaji yang penuh untuk mereka bertugas sepenuh masa sekarang ini bagi mengawal kedudukan negara kita ini. Sekurang-kurangnya kuasa itu kuasa yang diperlukan oleh mereka ialah untuk investigate orang-orang yang disyaki bahawa orang-orang ini pendatang haram, memeriksa Kad Pengenalan mereka dan berbagai-bagai jalan lagi, kerana kalau tidak berbuat demikian, mereka ini akan dapat lepas ke Bar untuk menjadi pelayan ataupun ke mana-mana yang mereka boleh seludup.

Kemudian saya beralih kepada Aktiviti (4)—Tapisan Filem dan Penerbitan. Di negara kita sekarang ini banyak berlaku penjenayah-penjenayah. Memang pihak Polis sendiri sudah mengeluarkan statistik mengenai jenayah-jenayah yang dilakukan yang kebanyakannya dilakukan oleh anak-anak muda seperti merompak dan sebagainya yang berlaku di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya merasa ragu sedikit tentang tapisan filem ini, apakah dibuat dengan sedemikian rupa, atau pakai sambil lewa sahaja. Kerana dua minggu yang lalu dalam TV entah apa siri rancangannya saya lupa, tetapi bila saya balik menengok ada satu scene dalam TV itu ceritanya seorang itu dikejar oleh anjing pengintip. Bila orang itu lari, anjing itu kejar lagi dan orang itupun mengambil satu tong minyak dan dilemparkan

minyak itu di tengah jalan dan anjing itu tidak dapat kesan bau, tidak dapat mencium ke mana orang itu lari. Jadi dari segi plot ceritanya, memang baik sekali, hero itu berjaya melarikan diri daripada intipan anjing pengesan tadi, tetapi dari implikasi kepada pemuda-pemuda bahawa inilah satu caranya untuk melarikan daripada intipan anjing yang dibuat oleh Polis-polis kita sekarang ini. Ini kita harus memikirkan dari segi site effect cerita itu sendiri. Jadi kalau kita pakai sambil lewa begitu sahaja, kita mementingkan ceritanya sahaja, barangkali keselamatan kita akan tergugat, akan terjejas dan ini akan membawa kepada ketidak-harmoninya kita di dalam negara kita sendiri.

Beralih saya kepada B. 39, Aktiviti (6)—Latihan-latihan. Saya ingin menarik perhatian kepada perkara ini supaya dalam latihan-latihan polis ini orang-orang baharu dan orang lama mestilah banyak diberi latihan-latihan kerohanian, kesedaran dan kalau hendak saya katakan ialah tentang kesedaran ugama Islam. Kerana ada juga Pasukan Polis kita yang telah berkhidmat, yang telah memberi perkhidmatan dengan baiknya, tetapi oleh sebab ada di kalangan mereka itu yang melakukan perkara-perkara yang tidak baik, saya tidak hendak katakan spesifik jadi menyebabkan nama baik Polis kita tergugat. Ini terbukti, Tuan Pengerusi, satu hari anak saya mencemuh-mencemuhkan Polis, ini katanya leceh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya beri seminit lagi.

Tuan Awang bin Jabar: Ya, seminit lagi, Tuan Pengerusi. Waktu berlakunya peristiwa bola sepak antara Negeri Sembilan dengan Trengganu di Kuala Trengganu. Saya mengatakan Polis ini leceh katanya, tidak dapat kawal keadaan sehingga berlakunya kebakaran bas. Saya terpaksa mempertahankan dan saya kata tidak boleh bercakap macam itu, kerana dengan adanya Polis menyebabkan kita boleh hidup dalam keadaan yang baik dan sebagainya. Jadi ekoran daripada itu, selain daripada kawalan yang leceh yang berlaku di Kuala Trengganu banyak lagi perkara-perkara lain, seperti bayaran tip dengan lori dan sebagainya. Kita semua harus berfikir bahawa kursus-kursus tentang kesedaran, kerohanian, keugamaan dan berbagai-

bagai lagi harus ataupun wajib diperketatkan di dalam latihan Polis ini. Kalau kita mahu Pasukan Polis kita berjaya dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

4.56 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Terima kasih saya ucapkan di atas peluang yang diberikan kepada saya dan saya sebagaimana rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya ingin menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (3), (5) dan (7).

Tuan Pengerusi, walaupun daripada hari semalam ramai saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian bercakap dalam segi ini dan kebetulan pada masa ini pendatang-pendatang haram telah datang begitu banyaknya daripada Vietnam. Saya berfikir dalam keadaan negara kita menghadapi pendatang haram ini dan kebetulan pula kita tengah bersidang di Parlimen ini, kalaulah Tuan Pengerusi membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil masa sedikit untuk membahaskan perkara-perkara ini sekurang-kurangnya untuk memberikan panduan, pandangan kepada pihak Kementerian yang berkenaan untuk menjalankan tindakan selanjutnya pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengalu-alukan dan mengucapkan syabas kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah dapat mewujudkan satu Badan Petugas khas untuk mengawal Pantai Timor berkaitan dengan ketibaan atau kedatangan pelarian-pelarian Vietnam atau pendatang haram. Di sini saya ingin menerangkan sedikit keraguan saya semoga pihak Yang Berhormat Menteri bila menjawab nanti dapat menerangkan dengan terang. Apa yang saya maksudkan, bila kita mengatakan "pelarian" maknanya "refugees" dalam bahasa Inggeris, tetapi istilah ini telah diubah oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada istilah pendatang-pendatang haram."

Bila kita katakan pendatang haram, mungkin dalam bahasa Inggerisnya illegal immigrants. Apa yang saya tahu Badan Dunia ini ada satu Suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Orang-orang Pelarian, bukan kata pelarian Vietnam bahkan mana juga orang pelarian dalam dunia ini badan inilah yang akan menyelenggarakan. Tetapi bila kita mengistilahkan mereka ini bukan pelarian, kita istilahkan mereka itu pendatang haram dalam dunia ini tidak ada satu badan suruhanjaya yang menjaga pendatang haram, terpujanglah kepada negara itu sendiri, apabila negara itu sendiri mengatakan yang datang itu secara haram, maka tiap-tiap negara seperti negara kita Malaysia ada mempunyai kuasa dan undang-undang sendiri untuk menghalau mereka daripada negeri kita atau mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang datang secara haram. Jadi, walau bagaimanapun, saya serahkan kembali kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan dan oleh kerana masa tidak mengizinkan untuk saya mengambil bahagian, jadi saya ringkaskan ucapan saya.

Saya sukalah mencadangkan di sini, pertama, oleh kerana kebiasaan, sebab kawasan saya di Kota Tinggi—Panti sama dengan Trengganu, Pahang, Kelantan terdedah dengan lautan China Selatan, terdedah kepada kedatangan mereka ini dan memang sudah menjadi bukti yang nyata apa yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, memang mereka ini datang dan setelah hampir dengan pantai kita, mereka sengaja rosakkan injin botnya dan membocorkan botnya untuk membolehkan seolah-olah sebagai satu paspot atau visa untuk membolehkan mereka naik ke darat.

Tuan Pengerusi, bagaimana yang telah kita lakukan, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah mengambil tindakan begitu tegas terhadap sebuah kapal Hai Hong, walaupun kita dikedam oleh setengah negara-negara Barat, tetapi kita juga dipuji oleh setengah-setengah negara Barat yang kita ini tegas dan ketegasan kita ini telah diakui dan dapat menyelamatkan negara kita ini daripada banyak lagi mereka yang datang secara besar-besaran. Ini kali yang pertama agaknya mereka cuba datang secara besar-besaran membawa sebuah kapal dengan penumpang seramai lebih daripada 2,500

orang, kerana sejak beberapa bulan yang lalu mereka datang berombongan 50 orang, 60 orang dan lebih-lebih 100 orang. Jadi, oleh kerana peri kemanusiaan kita ini lebih sangat sebagaimana kata Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi, mereka datang lagi dengan sebuah kapal seramai 2,500 orang.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan, kalaulah peruntukan yang diminta di dalam Aktiviti (3) sebanyak \$3,531,700 saya rasa peruntukan ini sebenarnya tidak cukup, masih kecil lagi dan kalau pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mencadangkan peruntukan ini ditambah, saya menyokong, sebab keadaan ini kita belum lagi tahu sampai bila pendatang-pendatang haram ini habis. Adakah mereka akan habis setakat tahun 1979 atau 1980 atau mungkin berlanjutan hingga 1990 dan sebagainya. Kalau menengok di sini cadangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menambah pegawai daripada 480 orang kepada 501 orang bererti hanya 21 orang sahaja pegawai yang ditambah. Oleh kerana memandangkan keadaan situasi yang wujud sekarang ini, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menimbangkan semula, dan kalau perlu, peruntukkan yang lain dipotong dan ditambahkan kepada peruntukan keselamatan negeri-negeri ini dilebihkan peruntukannya untuk menjaga khasnya negeri-negeri yang terlibat dengan pendatang-pendatang haram Vietnam ini.

Yang kedua, saya suka mencadangkan kalaulah pihak penjaga pantai kita yang terdiri daripada pengawas-pengawas pantai, kalau didapati mereka ini mendarat nanti, kalau mereka dapati merosakkan botnya, bolehlah tolong repair, macam mana kita beri mereka bekalan minyak dan suruhlah mereka meninggalkan tanahair kita ini, suruh mereka meninggalkan pantai kita ini supaya mereka pergi ke lautan antarabangsa dan itu lepaslah tanggungjawab kita.

Tuan Pengerusi, saya suka juga mencadangkan bagaimana Ahli Yang Berhormat tadi ada mencadangkan iaitu haruslah dari sekarang kita beritahu badan dunia (United Nations) ataupun khasnya Suruhanjaya Orang-orang Pelarian ini supaya mereka

diberi masa dan tempoh oleh kerana kita sebuah negeri yang kecil tidak mampu untuk menanggung beban yang besar ini sedangkan beban atau masalah yang kita hadapi dalam negeri kita ini bermacam-macam masalah yang belum dapat kita selesaikan maka timbullah pada masalah pendatang-pendatang haram ini. Jadi saya cadangkan supaya Kerajaan Malaysia beri masa kepada Badan Dunia atau beri masa kepada pendatang-pendatang haram itu 6 bulan, maknanya mereka hendaklah berikhtiar dalam masa 6 bulan mencari jalan untuk keluar daripada tanahair kita dan selepas daripada masa 6 bulan, kita jalankan kuatkuasa, iaitu kita tidak boleh lagi menerima mereka.

Satu lagi masalah yang saya hendak sentuh berkenaan dengan Aktiviti (5) Ikatan Relawan Rakyat atau RELA. Walaupun jumlah ahli-ahli RELA sekarang ini telah meningkat kepada 251,798 orang dan berkenaan dengan tugas-tugasnya apabila kita membaca Anggaran Belanjawan tahun 1979, saya amatlah sukacita kerana tugas-tugas RELA ini banyak, di antaranya sampailah menjaga, mengintip penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Jadi kebetulan pada masa ini RELA belum lagi dipensijatkan, hanya dasar Kerajaan yang saya difahamkan hari ini setiap satu unit diberi satu senjata, ertinya 10 orang, dibekalkan satu senjata. Untuk membantu badan petugas yang dibentuk oleh Kerajaan untuk mengawal Pantai Timur, saya harap bolehlah Pasukan RELA kita yang datangnya daripada Pantai Timur negeri kita ini diberi tugas yang sama, diberi mereka elaun yang sepatutnya untuk mereka menjaga keselamatan kampung mereka di tepi pantai sebagaimana yang pernah kita lakukan di dalam masa darurat dahulu membekalkan Home Guard dan A.P. dengan senapang-senapang patah.

Saya percaya kalau seramai 251,790 orang ahli RELA yang ada sekarang ini, kalau separuh sahaja daripada mereka kita beri senjata, saya percaya mereka akan rela untuk bersama-sama mempertahankan negeri ini untuk mereka bersama-sama menjaga pantai kita daripada pendatang-pendatang haram ini.

Tuan Pengerusi, ada satu lagi masalah. . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup, saya beri seminit sahaja lagi.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Terima kasih. Satu lagi mengenai Aktiviti (7)—Pusat Biro Narkotik. Saya rasa bahawa keadaan dalam negara kita ini sudah sampai kepada peringkat merbahaya, sudah sampai ke peringkat yang mana keadaan sekarang ini begitu tenat dengan dadah ini. Saya harap pihak PEMADAM khasnya Pusat Biro Narkotik ini terutamanya di negeri Johor, negeri saya yang teruk sekali dilanda dadah.

Hari ini, saya suka memaklumkan bahawa walaupun bekalan dadah di daerah-daerah atau di setengah-setengah daerah itu sudah tidak dapat dibekalkan tetapi ada sejenis ubat, sejenis pil yang boleh mereka dapat, namanya "rosi". Saya harap Kementerian Kesihatan boleh bekerjasama dalam soal ini bahawa pil "rosi" ini dijual dengan harga \$1 satu dan boleh didapati di mana-mana klinik. Jadi, pemuda-pemuda kita kalau tidak dapat dadah, mereka dapat pil rosi ini sudah cukup. Kalau makan 2 biji, bila kita tanya, dia nampak tiang talipon—semuanya sudah condong hendak tumbang. Sebab pil rosi ini walaupun dikatakan ubat, tetapi kalau dimakan,—disalahgunakan dengan dimakan sampai tiga biji, dia juga sama dengan orang yang menghisap dadah yang lain. Saya harap dapat diawasi klinik-klinik yang menjual pil rosi ini supaya mereka yang berkehendakkan hanya yang memerlukan sangat, baharu diberi dan jangan diberi kebebasan sebagaimana yang ada sekarang ini.

Jadi, dengan ini saya menyokong di atas cadangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk peruntukan yang tersebut itu.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.08 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 38, muka surat 319 mengenai Pusat Biro Narkotik. Mengenai Pusat Biro Narkotik, saya hendak menyentuh masalah penyalahgunaan dadah.

Tuan Pengerusi, keadaan penyalahgunaan dadah di negara kita tentulah membimbang-

kan, kerana bukan sahaja masih banyak penduduk-penduduk yang telah terlibat di dalam kegiatan-kegiatan penyalahgunaan dadah bahkan bilangannya pun telah bertambah. Ini adalah terbukti dari bilangan tangkapan yang telah dilakukan di Malaysia di antara tahun 1970 hingga 1975 sejumlah 9,408 orang telah ditangkap. Pada tahun 1976 sejumlah 5,128 orang telah ditangkap dan pada tahun 1977 jumlah ini telah bertambah 5,781 orang. Angka-angka ini tidak termasuk tangkapan yang dilakukan di seberang laut dan tidak dapat dinafikan bahawa tangkapan yang dilakukan di seberang laut yang melibatkan warganegara Malaysia telah menjejaskan nama baik Malaysia di luar negeri.

Memandangkan kepada keadaan buruk ini, saya hendak menggesa Kerajaan dan khasnya Kementerian yang berkenaan untuk mengkaji semula segala usaha-usahanya dengan tujuan menentukan sama ada usaha-usaha itu adakah cukup berkesan dan efektif untuk memerangi masalah penyalahgunaan dadah di negara kita. Kajian ini patut dijalankan sekiranya Kerajaan hendak merangka dan melaksanakan satu strategi yang lebih efektif dan berhasil untuk memerangi masalah itu.

Suka saya mengesyorkan di sini bahawa sesuatu usaha yang diambil untuk memerangi masalah dadah mestilah melibatkan orang ramai. Dan di sini saya berharap Kerajaan akan dapat melengkapi satu badan awam iaitu PEMADAM dengan kuasa yang cukup dan efektif untuk memerangi masalah penyalahgunaan dadah di negara kita dan jika perlu saya mencadangkan bahawa PEMADAM patutlah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya ia ada tempat yang tepat untuk memerangi masalah itu.

Yang kedua, saya ingin menyentuh mengenai Maksud B. 42, Aktiviti (4) Pendaftaran Kewarganegaraan. Tuan Pengerusi, saya menyokong apa yang telah diperkatakan oleh sahabat saya dari Petaling bahawa masalah kelewatan untuk memproseskan permohonan kewarganegaraan adalah selalu timbul dan khasnya saya ingin menyentuh mengenai permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 Perlembagaan iaitu secara Kemasukan (Naturalisation).

Tuan Pengerusi, dalam masa Soal-Jawab di Dewan ini baru-baru ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa masa yang Kementerian mengambil untuk memproses permohonan kerakyatan ini adalah sangat berpatutan dan kadangkala masa yang lama diambil ialah oleh sebab kelewatan pemohon itu sendiri memberi keterangan-keterangan jelas. Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan oleh kerana saya sendiri mempunyai kes-kes di mana sungguhpun si pemohon telah menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada Kementerian atau Jabatan yang berkenaan mengenai permohonan-permohonan mereka, akan tetapi pihak berkuasa yang berkenaan masih mengambil masa yang terlampau lama untuk memproses permohonan itu. Dengan izin, Tuan Pengerusi, di sini saya mempunyai resit-resit yang membuktikan bahawa sungguhpun permohonan-permohonan telah dibuat lebih kurang 5 hingga 7 tahun yang lepas akan tetapi keputusan belum dibuat oleh Menteri yang berkenaan. Ini telah membawa banyak kesulitan kepada para pemohon dan sekiranya ini bukan kelewatan untuk memproses permintaan kewarganegaraan, sayapun tidak memahami apakah hal itu.

Di sini saya ada resit yang menunjukkan bahawa permohonan ada dibuat dalam tahun 1971 dan juga 1972 tetapi sehingga hari ini keputusan pun belum dibuat. Saya tidak menafikan bahawa penyiasatan ke atas sesuatu permohonan harus mengambil masa sedikit kerana latar belakang si pemohon mestilah disiasat dengan teliti dan permohonan ditapis dengan rapinya sebelum Sijil Kerakyatan dikeluarkan kepadanya, akan tetapi ini tidak bermakna bahawa siasatan hendak memakan masa 6 hingga 7 tahun.

Kelambatan yang terlampau untuk memproses permintaan kerakyatan telah membawa kesulitan-kesulitan dan kesukaran-kesukaran kepada pemohon dari segi pekerjaan khasnya mereka yang mempunyai keluarga yang besar. Kelewatan ini tentu menjejaskan dakwaan bahawa Kerajaan ini ialah Kerajaan yang cekap. Apa yang lebih penting ialah kelambatan itu akan mungkin menjauhkan Kera-

jaan daripada kesetiaan beberapa orang bakal warganegara yang baik dan berguna dan ini akan menentang dasar Kerajaan bagi menawan hati dan perasaan penduduk-penduduk di negara kita.

Oleh yang demikian, saya suka menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mengambil perhatian yang berat terhadap perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membetulkan keadaan ini. Saya suka menyatakan di sini bahawa kebanyakan pemohon-pemohon itu tidak ada tempat lain yang mereka hendak pergi melainkan hidup dan mati di negara ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan permohonan Sijil Kerakyatan di bawah Peraturan Pendaftaran (Registration) iaitu di bawah Borang E, saya juga berharap Jabatan Pendaftaran akan mencari cara-cara untuk mempercepatkan kelulusan itu. Sehingga hari ini saya masih menerima pengaduan-pengaduan bahawa si pemohon-si pemohon kerakyatan di bawah Peraturan Pendaftaran iaitu di bawah Perkara 16 Perlembagaan kita belum mendapat tahu kedudukan permohonan-permohonan mereka sungguhpun mereka telah lulus Ujian Bahasa 1 hingga 2 tahun dan ada kes di mana 3 tahun yang lepas, tetapi mereka pun belum mendapat tahu tentang kedudukan application mereka.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebab perbahasan sudahpun ditamatkan, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberi jawapan.

5.14 ptg.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telahpun bercakap memberi teguran dan juga menarik perhatian pihak Kementerian dalam beberapa perkara yang menjadi tanggungjawab kepada Kementerian ini.

Saya tidaklah berhajat untuk memberi jawapan-jawapan atau penjelasan-penjelasan kepada semua saranan-saranan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hanya kepada beberapa masalah sahaja. Walau bagaimanapun, segala perkara-perkara yang lain yang

tidak dapat saya memberi jawapan maka pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, di dalam ucapan-ucapannya banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh dalam perkara pendatang-pendatang haram daripada Vietnam iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, Tumpat, Ulu Trengganu, Balik Pulau, Baling dan sebagainya. Mengenai teguran-teguran ini sukalah saya menyatakan lagi sekali bahawa berhubung dengan kedudukan pendatang haram daripada Vietnam ke negara ini sepertimana yang telah pun diberi kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada 22hb November, 1978 yang lalu telah pun menghuraikan dengan panjang lebar akan langkah-langkah yang tegas yang akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi menyelesaikan masalah-masalah pendatang-pendatang haram ke negara ini. Dan segala langkah dan usaha yang akan diambil ini adalah bertujuan bagi mencegah kedatangan pendatang-pendatang haram ke negara kita.

Sebagaimana yang telah diterangkan juga sebuah Jawatankuasa Petugas (Task Force) telah pun ditubuhkan dan telah pun menjalankan tugas-tugasnya pada masa ini. Task Force ini juga sebagaimana saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat adalah mengandungi Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Polis, Pasukan Tentera, Civil dan juga Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Immigresen dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, bagi pendatang-pendatang haram yang telah berada dalam negara ini sebagaimana yang telah pun diterangkan, Kerajaan akan menentukan bahawa segala usaha dan ikhtiar akan dibuat untuk mempercepatkan pemergian mereka ke negara ketiga. Dan sukalah juga saya menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan membenarkan orang-orang pendatang haram ini untuk tinggal di negara kita buat selama-lamanya.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah pun memberi teguran berhubung dengan adanya wartawan-wartawan asing yang telah pergi ke negeri Trengganu dan lain-lain tempat untuk membuat laporan-laporan berhubung dengan pendatang-pendatang haram ini dan perkara ini memanglah benar

bahawa pihak Kerajaan adalah memberi segala kemudahan kepada wartawan-wartawan sama ada wartawan luar negeri ataupun dalam negeri untuk membuat liputan berhubung dengan pendatang-pendatang haram ini sama ada di negeri Trengganu atau lain-lainnya supaya dapat mencerminkan kepada umum bahawa bagaimana layanan-layanan atau langkah-langkah Kerajaan yang telah diambil berhubung dengan perkara ini tidaklah kita hendak tutupkan supaya perhatian daripada umum akan dapat gambaran yang seterang-terangnya.

Pada masa ini ada kumpulan wartawan dan TV daripada Amerika Syarikat, Kanada, Perancis dan juga Jerman Barat yang telah diberi kebenaran mengambil gambar dan lain-lainnya. Sebagaimana dengan harapan laporan-laporan yang benar-benar akan menggambarkan keadaan pendatang-pendatang haram di negara kita ini yang sekarang ada dan bagaimana layanan-layanan yang telah kita berikan juga bagaimana beban yang dipikul oleh negara kita supaya dapat diberitahu kepada dunia. Juga wartawan-wartawan tempatan juga adalah diberi peluang yang sama berhubung dengan kemudahan-kemudahan yang tersebut ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah mencadangkan supaya mesyuarat khas diadakan di antara negara-negara ASEAN dan lain-lainnya membincang masalah yang tersebut ini. Dalam aspek ini, Kerajaan telah pun membuat ketetapan bagi mengadakan satu mesyuarat khas dengan negara-negara ASEAN untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh negara ASEAN iaitu pada awal Disember perbincangan antara negara-negara ASEAN akan diadakan di Geneva. Di samping itu negara-negara ASEAN juga meminta negara ketiga terutamanya negara Barat menerima pendatang-pendatang haram yang tinggal sementara di negeri kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah pun mendesak Kerajaan supaya mengadakan kakitangan yang cukup untuk Pasukan Petugas ini yang mana saya telah pun memberi penjelasan bahawa Kerajaan akan menimbangkan perakuan-perakuan bagi Pasukan Petugas mengenai bilangan kakitangan dan juga peralatan yang di-

perlu bagi menjalankan tugas mencegah kemasukan pendatang haram dan Kerajaan akan menjalankan apa jua tindakan yang perlu dan wajar bagi menjaga keselamatan negara ini.

Pada hari kelmarin Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar selain daripada menyentuh di atas perkara pendatang haram telah juga menarik perhatian pihak Kerajaan kepada rencana di dalam majalah *Newsweek* keluaran 20hb November tahun ini yang mana menyebutkan Malaysia sebagai mengamalkan apartheid bentuk baru. Wartawan berkenaan bukan sahaja menulis perkara-perkara sensetif malah memberi gambaran yang buruk terhadap Dasar Ekonomi Baru negara ini. Dalam perkara ini Kerajaan memang bertindak tegas terhadap semua penerbitan-penerbitan termasuklah penerbitan-penerbitan yang diimpot dari luar negeri demi menjaga perpaduan kaum, ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Dan bersabit dengan ini, beberapa penulis luar negeri telah diambil tindakan dan dilarang masuk ke negara ini. Kedutaan-kedutaan di luar negeri juga adalah sentiasa bertanggungjawab atas penerbitan yang seumpama ini.

Mengenai penulis rencana Malaysian apartheid keluaran majalah *Newsweek* 20hb November, 1978 itu, pihak Kementerian sedang mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah-pun menyentuh berhubung dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan dakwah apa yang dikatakan ada golongan-golongan dakwah songsang yang menjalankan dakwah-dakwah yang tidak bertanggungjawab dalam negara ini.

Sukalah saya memaklumkan, Tuan Pengerusi, di masa ini terdapat berbagai kegiatan-kegiatan dakwah dalam Islam yang tumbuh sepertimana cendawan dalam negara ini. Perkembangan yang seumpama ini mungkin timbul dari rasa kesedaran ataupun sebaliknya. Bagaimanapun ajaran-ajaran yang diper-sampaikan mempunyai persamaan dalam konteks ugama Islam yang sebenar, kecuali harus mengimplimentasikan ajaran itu sendiri sering berbeza di antara satu dengan lain. Memang tidak dapat dinafikan terdapatnya golongan-golongan dakwah song-

sang sebagaimana yang dikatakan itu yang sengaja dibentuk untuk kepentingan peribadi sendiri, malah ada pula yang sebenar mengikut ajaran Islam tetapi harus fahamannya begitu ketat dan fanatik sehingga ia mendatangkan akibat-akibat buruk yang bertentangan dengan keadaan dan bentuk sosial hidup serta masyarakat sekeliling pada masa ini.

Tuan Pengerusi, untuk dikatakan gejala-gejala ini tidak mendapat perhatian dan tindakan pihak Kerajaan tidaklah benar malah tindakan yang sewajarnya sering kali diambil terhadap kumpulan-kumpulan dakwah dan juga individu-individu yang berdakwah tanpa tauliah rasmi daripada Jabatan Ugama ataupun bahan-bahan dakwah mereka itu yang menyeleweng ataupun songsang daripada fahaman konsep Islam yang sebenar.

Sayugia dimaklumkan tiga orang tokoh-tokoh pendakwah dari luar negeri telah diletakkan sebagai prohibited immigrant dalam usaha-usaha mencegah mereka membuat lawatan-lawatan ke negara ini. Sambil berdakwah menggunakan Islam sebagai alat untuk mencapai sesuatu objektif yang tertentu baginya.

Berhubung dengan kenyataan berkaitan dengan pendakwah-pendakwah Kristian yang didapati menyebarkan kitab *New Testament* kepada orang-orang Islam berhubung dengan perkara ini belum dapat dipastikan, kerana pihak kita belum dapat sebarang laporan tentang kegiatan yang seumpama ini. Walau bagaimanapun pihak Kementerian akan membuat siasatan dengan lebih lanjut di atas perkara-perkara yang tersebut dan jika sekiranya didapati mereka ini melanggar peraturan maka langkah-langkah yang tertentu akan diambil dengan sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun dalam ucapannya selain daripada menyentuh dalam perkara-perkara yang lain juga menyentuh dalam satu perkara iaitu berhubung dengan penapisan filem yang menjadi tanggungjawab Kementerian ini. Sukalah saya menyatakan bahawa Lembaga Penapis Filem ada garis-garis panduan yang tertentu tentang kaedah penapisan filem-filem yang berupa jenayah, ataupun lucah juga keganasan dan sebagai-

nya. Sebagai teguran Ahli Yang Berhormat itu bahawa tidaklah dianggap seburuknya sebagaimana yang dinyatakan. Filem ini adalah menunjukkan bahawa pihak yang benar adalah berjaya melepaskan diri dari kekejaman pihak penjahat. Filem ini adalah menunjukkan crime does not pay, memang ada juga babak yang merupakan satu ajaran yang tidak baik kepada penjenayah akan dikeluarkan daripada filem itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling ada mengatakan berhubung dengan pendatang haram, iaitu istilah sama ada pendatang haram (refugees) dan sebagainya. Sebagaimana perkara ini telahpun dijelaskan dengan panjang lebarnya dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tempoh hari berhubung dengan refugess daripada Filipina dan juga perbezaan dengan pendatang haram daripada Vietnam itu. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu cuba membela pendatang-pendatang haram daripada Vietnam ini yang mana sebaliknya sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain anggapkan mereka itu mengancam keselamatan dan bebanan yang berat kepada negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga dalam ucapannya telahpun menyentuh berhubung dengan tahanan di bawah I.S.A. Dalam perkara ini beliau menyentuh berhubung dengan cara-cara yang ada, iaitu standard yang ada di tempat-tempat tahanan sama ada di Taiping ataupun di Batu Gajah. Dalam perkara ini, sukalah saya menyatakan bahawa mereka yang ditahan di Batu Gajah adalah di dalam kategori yang tidak mahu mengikut Undang-undang dan Peraturan Kem Tahanan yang terbuka sepertimana Kem Tahanan di Taiping. Semua kemudahan-kemudahan dan kebebasan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah mengikut United Nations standard, iaitu minimum rules telah diberi kepada orang-orang tahanan, tetapi ada kalanya mereka itu menyalahgunakan kemudahan-kemudahan dan kebebasan itu dengan merosakkan bilik-bilik tidur mereka, dinding-dinding dan sebagainya dan sengaja membazirkan bekalan-bekalan air dan letrik dengan tujuan untuk merosakkan harta benda negara dengan

apa jua cara sekalipun. Mereka dengan sengaja mencari salah dengan pihak berkuasa tempat tahanan dengan memaki-hamun pegawai-pegawai walaupun pegawai-pegawai menjalankan tugas dengan penuh sabar setiap masa. Tanpa mengadakan peraturan-peraturan seperti yang diadakan di Kem Batu Gajah sekarang maka huru-hara akan sentiasa berlaku. Ini bukanlah satu collective punishment kerana mereka adalah diberi kemudahan-kemudahan dan kebebasan seperti biasa sekiranya mereka berperangai baik dan mengikut peraturan-peraturan tempat tahanan. Kemudahan-kemudahan seperti berjumpa dengan keluarga, surat-menyurat, suratkhabar dan majallah-majallah, buku-buku dari khutub-khanah diberi dengan sepenuhnya sekiranya mereka tidak dikenakan hukuman kerana melanggar peraturan-peraturan tempat tahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga telah menyentuh lagi sekali tentang tahanan Chan Kok Kit dan juga Chian Heng Kai dan telah menyarankan bahawa mereka ini patut dibebaskan. Dalam perkara ini, sukalah saya menyatakan kedua-dua orang tahanan ini, iaitu Chan Kok Kit dan juga Chian Heng Kai ini bukanlah merupakan orang-orang tahanan politik sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu. Mereka adalah ditahan kerana sebelum mereka ditangkap, Kerajaan mempunyai maklumat yang sah dan terang bahawa mereka itu bergiat dan terlibat di dalam usaha untuk membantu Barisan Bersatu Komunis. Setelah ditangkap, mereka telah mengakui bahawa mereka sedar apa yang mereka lakukan boleh membantu kegiatan Barisan Bersatu Parti Komunis Malaya. Oleh itu mereka adalah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, kerana kegiatan-kegiatan yang memudharatkan keselamatan negara. Kebebasan mereka sebagaimana juga orang-orang tahanan yang lain adalah tergantung kepada sama ada mereka telah dipulihkan dan tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dalam ucapannya telahpun menarik perhatian berhubung dengan usaha-usaha Kerajaan bagi mencegah penyalahgunaan dadah. Sebagaimana yang saya telah terangkan dalam

jawapan-jawapan soalan yang berbangkit maka pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana baru menerima tugas berhubung dengan Biro Narkotik ini akan mengambil segala langkah-langkah yang sewajarnya bagi menjalankan usaha-usahanya supaya dapat benar-benar membasmi keadaan menyalahguna dadah dalam negeri ini dan begitulah juga Kerajaan akan memberi segala kerjasama dan perhatian kepada badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang giat dan berminat dalam mengatasi perkara penyalahgunaan dadah ini seperti mana PEMADAM dan sebagainya supaya mereka dapat bergerak dengan lebih berkesan lagi. PEMADAM adalah sebuah persatuan yang dapat berjalan dengan sendiri dan sememangnya PEMADAM adalah sebuah persatuan yang mendapat sokongan dan kerjasama yang rapat dengan Kerajaan, khasnya Jabatan Perdana Menteri, kerana Pengerusi PEMADAM sendiri adalah dilantik oleh Perdana Menteri dan begitulah juga Pengerusi-pengerusi peringkat Negeri adalah dilantik oleh Menteri Besar Kerajaan masing-masing.

Berhubung dengan permohonan kerakayatan yang mana menjadi perkara-perkara yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan juga Kuala Lumpur Bandar, saya telahpun menjelaskan dalam jawapan saya kepada soal-soal yang berbangkit bahawa Kerajaan menimbang segala permohonan-permohonan ini menurut keadaan masa dan masa yang diambil dalam menimbang soal ini menurut masa-masa yang diperlukan untuk tempoh bagi meneliti segala permohonan-permohonan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sedikit sebanyak penerangan daripada saya di atas segala teguran-teguran yang telahpun diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$41,371,200 untuk Maksud B. 38, \$544,720 untuk Maksud B. 39, \$18,889,600 untuk Maksud B. 40, \$836,000 untuk Maksud B. 41, \$12,968,100 untuk Maksud B. 42, \$36,796,600 untuk Maksud

B. 43 dan \$14,307,700 untuk Maksud B. 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$153,351,800 untuk Maksud P. 39, \$4,673,500 untuk Maksud P. 40, \$13,726,330 untuk Maksud P. 43 dan \$5,080,400 untuk Maksud P. 44 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis akan menimbang Anggaran Perbelanjaan untuk Kementerian Penerangan di bawah Belanja Mengurus B. 45, B. 46 dan B. 47 serta Pembangunan P. 45, P. 46 dan P. 47.

Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan.

Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 (Jadual)—

Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

5.41 ptg.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan:

Wang sebanyak \$21,843,500	di bawah Maksud B. 45 Kementerian Penerangan.
Wang sebanyak \$96,563,700	di bawah Maksud B. 46 Jabatan Penyiaran.
Wang sebanyak \$24,082,300	di bawah Maksud B. 47 Jabatan Penerangan.
dijadikan sebahagian daripada Jadual, dan	
Wang sebanyak \$1,029,838	di bawah Maksud P. 45 Kementerian Penerangan.
Wang sebanyak \$22,418,930	di bawah Maksud P. 46 Jabatan Penyiaran.
Wang sebanyak \$1,134,000	di bawah Maksud P. 47 Jabatan Penerangan.

diluluskan sebagai Perbelanjaan di bawah Anggaran Pembangunan 1979.

Tuan Pengerusi, tahun 1979 akan merupakan satu tahun yang penting bagi Kementerian Penerangan, seperti juga bagi jentera-jentera Kerajaan yang lain, dari segi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping itu juga tahun 1979 adalah menjadi tahun yang bersejarah bagi Kementerian Penerangan oleh kerana pada tahun inilah TV warna akan dilaksanakan. Persiapan-persiapan terakhir sedang dibuat bagi melancarkankannya pada 28 hb Disember, sebagaimana

yang telah ditetapkan. Memandangkan perkara-perkara yang akan berlaku itu maka Kementerian ini akan menambahkan usahanya terutama bagi menentukan bahawa ke semua jentera sebaran am Kerajaan memberi sokongan komunikasi sepenuhnya bagi menjayakan dasar-dasar penting Kerajaan serta dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Penerangan ialah:

- (i) menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penilaian Rancangan-rancangan bagi menelitikan ke semua rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di Kementerian ini dan memastikan agar rancangan-rancangan itu selaras dengan tujuan Kementerian ini serta memberi kesan yang sewajarnya kepada pihak penerima, pendengar dan penonton-penonton;
- (ii) memperkokohkan Bahagian Penyelidikan dan Perancangan supaya lebih banyak maklumat dan statistik dapat disediakan bagi kegunaan Jawatankuasa tersebut tadi serta oleh pihak pengurusan demi untuk memperbaiki rancangan-rancangan penyiaran dan penerangan daripada semasa ke semasa.
- (iii) menyusun semula organisasi Perpustakaan Penyelidik di Kementerian ini untuk melicinkan lagi perkhidmatannya serta memulakan projek microfilm terhadap bahan-bahan perpustakaan dan mengwujudkan koleksi khas bahan-bahan mengenai sebaran am komunikasi;
- (iv) menambahkan kegiatan dari segi fileman untuk dijadikan bahan siaran sama ada untuk kegunaan pihak RTM atau Jabatan Penerangan atau Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri ataupun lain-lain institusi yang memerlukan filem-filem tersebut;
- (v) merancang berbagai-bagai projek penyiaran bagi memperbaiki liputan rancangan-rancangan radio dan TV ke kawasan-kawasan yang sehingga kini tertinggal, di samping melaksanakan

sebahagian daripada projek-projek tersebut menurut kemampuan tenaga rakyat dan kemahiran yang ada di Kementerian selaras dengan peruntukan kewangan yang dibekalkan.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga kegiatan dari segi Geraksaraf akan diperhebatkan melalui berbagai media termasuklah penerbitan risalah tektikal dan strategic, perhimpunan-perhimpunan, taklimat-taklimat, lawatan dari rumah ke rumah, pameran dan juga menerusi media tradisi seperti wayang kulit, khususnya di kawasan-kawasan sempadan untuk menerangkan kepada orang ramai tentang perlunya mengepikan pengaruh komunis.

Sebahagian besar daripada peruntukan yang diminta bagi tahun hadapan ialah mengenai pelancaran TV warna serta usaha-usaha mencapai matlamat akhir Kementerian ini bagi menyelaraskan liputan dan menyeragamkan rancangan-rancangan RTM bagi ke semua kawasan di negara ini. Ke semua aktiviti ini adalah dilaksanakan berperingkat-peringkat dan saya telah menerangkan di Dewan yang mulia ini pada 19hb Oktober dan juga pada 7hb November yang lalu rancangan-rancangan pembangunan dalam bidang penyiaran dan juga langkah-langkah bagi mengatasi masalah-masalah physical dan sosio-budaya yang menghalang tercapainya matlamat tersebut tadi di dalam masa yang singkat.

Selain daripada stesyen-stesyen TV yang ada disesuaikan untuk siaran TV warna, stesyen-stesyen bahru untuk liputan TV bagi kawasan-kawasan Jerantut, Mersing dan Labis akan disempurnakan dalam tahun hadapan.

Mengenai rancangan-rancangan TV, sebagai yang telah saya nyatakan dahulu, pihak RTM mempunyai matlamat mencapai 60% dari rancangan-rancangannya mengandungi penerbitan-penerbitan tempatan dan setakat ini kira-kira 55% daripadanya telah tercapai di dalam bentuk hitam-putih. TV Malaysia akan terus menghasilkan sekurang-kurangnya separuh daripada penerbitan-penerbitan tempatan ini di dalam bentuk warna dan juga untuk mengimbangkan rancangan-rancangan tempatan dengan rancangan-rancangan terbitan luar negeri

di dalam bentuk warna. Pihak TV Malaysia juga mempunyai rancangan untuk mempertinggikan lagi mutu penerbitan tempatan sama ada rancangan-rancangan itu diterbitkan di dalam hitam-putih ataupun di dalam bentuk warna.

Bagi rancangan radio pula, usaha-usaha sedang ditumpukan untuk meninggikan lagi mutu siaran dan perkhidmatan di dalam dan di luar negeri. Liputan radio bagi kawasan-kawasan Segamat dan studio di Simanggang yang penerimaannya atau kemudahan penerbitannya kini tidak memuaskan akan diperbaiki lagi. Perkhidmatan Suara Malaysia akan diperkokohkan lagi dengan siaran yang mengguna 2 pemancar radio yang mempunyai kuasa 500 KW yang baharu supaya siaran-siaran itu dapat diterima dengan jelas dan terang. Penambahan kepada masa siaran radio akan juga dibuat yang merupai tambahan kepada siaran Berita radio bagi Rangkaian Nasional supaya bertambah lagi 40 minit sehari dan bagi Berita di Suara Malaysia ditambah 10 minit lagi sehari.

Memandangkan bahawa perkembangan mengenai sebaran am telah mencapai peringkat yang memerlukan pendekatan dan alat-alat yang sophisticated serta tenaga yang lebih mahir maka rancangan-rancangan latihan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan akan diperluas dan ditingkatkan lagi. Kemudahan-kemudahan latihan di dalam dan di luar negeri akan ditambah bagi memenuhi keperluan ini. Perkhidmatan latihan di Institiut Penyiaran Tun Abdul Razak atau IPTAR akan ditingkatkan lagi dan khidmat pakar-pakar dari UNESCO, ABU dan lain-lain institusi yang berkenaan akan didapatkan untuk maksud tersebut.

Peranan Jabatan Penerangan, khasnya Bahagian Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat akan juga diperluaskan dengan diperkukuh dan diberi tugas-tugas tambahan di peringkat nasional, negeri dan daerah supaya kesan-kesan menerusi aktiviti-aktiviti seperti kempen, kegiatan luar, syarahan, pertunjukan wayang, temuramah, pementasan dan pameran dapat dinikmati sepenuhnya oleh rakyat. Unit-unit Bergerak berbentuk baru dan unit-unit pementasan dan pameran

yang baru-baru ini dilancarkan akan digunakan dengan seluas-luasnya bagi maksud tersebut. Selain daripada ini kegiatan dan aktiviti-aktiviti akhbar, perhubungan penerbitan dan visual akan terus dijalankan. Sebanyak 20 buah pejabat-pejabat Penerangan baru, sebagai yang telah dirancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, adalah dijangka siap sehingga akhir tahun 1979 bagi beberapa daerah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan daripada pejabat-pejabat ini akan juga dipadankan dengan keadaan semasa, terutama untuk membantu usaha-usaha agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam pelaksanaan dasar dan projek-projek pembangunan yang melibatkan kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya juga memainkan peranan yang penting dalam usaha Kerajaan untuk mempereratkan hubungan di kalangan anggota-anggota ASEAN serta memainkan peranan komunikasi antarabangsa terutama mengenai aktiviti-aktiviti UNESCO. Satu persidangan antarabangsa yang akan disertai oleh beberapa perwakilan dari negara-negara Asia dan Oceania akan diadakan di ibu negara pada awal bulan Februari tahun hadapan. Mengenai aktiviti-aktiviti ASEAN pula Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Kebudayaan dan Penerangan telah dibentuk (dengan urusetia di Kementerian Penerangan) untuk menghubungi urusetia yang serupa di negara-negara ASEAN di dalam perkara-perkara yang mengenai aktiviti kebudayaan dan sebaran am.

Dalam usaha kita memperbanyakkan filem keluaran tempatan untuk memenuhi keperluan penonton- penonton dalam negeri dan untuk dijadikan alat perhubungan antarabangsa, Kementerian ini, selain daripada tugas yang dijalankan oleh Filem Negara Malaysia, akan juga mempergiatkan usaha untuk memajukan lagi perusahaan perfileman tempatan dengan memberi galakan serta khidmat nasihat dan teknik kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang tertentu. Adalah diperhatikan bahawa usaha-usaha ini telah mendapat sambutan yang baik dari pengusaha-pengusaha filem tempatan yang bukan sahaja telah menyedari peranan-peranan mereka tetapi juga sedang giat mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan

industri perfileman dan telah mengambil langkah-langkah untuk memajukan perusahaannya mereka untuk memenuhi permintaan penonton- penonton tempatan dan juga oleh pasaran di luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya telah membentangkan cadangan seperti diuraikan tadi dan berharap butir-butir di bawah Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 serta Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 itu diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 45, B. 46 dan B. 47 dan Maksud Pembangunan P. 45, P. 46 dan P. 47 di bawah Kementerian Penerangan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

5.55 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberi pandangan kepada P. 45, muka surat 362 iaitu mengenai Studio Filem Negara, Kuala Lumpur, Makmal Filem Berwarna.

Dalam perkara ini, saya sukacitalah menarik perhatian pihak Kementerian sama ada Kementerian sedar atau tidak, setakat hari ini seperti yang disebut oleh Menteri tadi, walaupun ada perfileman tempatan yang diusahakan oleh pihak bumiputra, tetapi masih belum lagi mencapai keupayaan yang kita harapkan. Ini bermakna kalau kita hendak mengharapkan filem tempatan itu berjaya, dapat mengeluarkan filem-filem untuk tayangan di dalam negara akan mengambil masa yang panjang dan lama kerana kita semua sedia maklum pengusaha-pengusaha bumiputra dalam masalah hendak mengujudkan filem tempatan ini menghadapi berbagai kesulitan daripada segi modal dan tempat shooting seperti studio dan sebagainya.

Dalam perkara ini, suka saya mencadangkan kepada pihak Kementerian, di sini nampaknya peruntukan ini amatlah sedikit. Sepatutnya Studio-studio Filem Negara ini diperbesarkan lagi dan diperalatkan.....

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Butiran (Projek) 1 itu Kementerian tidak

meminta apa-apa perbelanjaan dengan sebab itu tak boleh disentuh. Kalau butiran 3 tentang Menambah Ruang Lantai Bangunan Filem Negara itu bolehlah.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya pergi kepada Butiran 3 mengenai Menambah Ruang Lantai Bangunan Filem Negara ini supaya dapat diperbesarkan dan boleh digunakan oleh pengusaha-pengusaha filem tempatan dan dengan itu memudahkan keadaan kesempitan yang dihadapi oleh mereka. Saya menekankan perkara ini kerana melalui filem ini memainkan peranan yang penting sebagai alat maklumat kepada orang ramai. Sama ada Kerajaan sedar atau tidak, mengikut kajian yang dijalankan pada hari ini, bukan saya hendak menaikkan perasaan perkauman, tetapi sebenarnya dalam tahun 70an ini kalau kita bahagi-bahagi peratus mengenai tayangan filem di seluruh negara iaitu 60% adalah tayangan filem bahasa Mandarin, 20% filem bahasa Inggeris, 10% filem bahasa Hindustan dan Tamil dan 10% filem dalam bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan.

Di sini saya meminta Kerajaan memikirkan dengan seriusnya kedudukan mass-media melalui perfileman ini. Saya mintalah Kementerian Penerangan campurtangan dalam perkara ini supaya penduduk-penduduk di Malaysia ini dapat melihat banyak filem-filem dalam Bahasa Kebangsaan sesuai dengan dasar negara kita dalam bentuk mengembang dan mengenalkan bahasa dan juga kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, itulah perkara yang saya hendak kemukakan, saya berharap pihak Kementerian ini akan memainkan peranan yang penting untuk jenerasi yang ada pada hari ini dan demi untuk kepentingan perpaduan yang sepatutnya wujud dalam negara kita yang berbilang bangsa. Banyak rakyat tidak mengetahui seperti tahun 50an dahulu kalau kita buat statistik 80% filem-filem yang ditayangkan di negara kita ialah filem berbahasa Inggeris. Kita tak hairan sebab di tahun 50an negara kita masih dijajah dan begitu juga tahun 60an pula turun sedikit sebanyak 60% filem-filem berbahasa Inggeris.

Tetapi sekarang tahun 70an waktu Kerajaan kita hendak mengujudkan perpaduan, hendak memperkuat Bahasa Kebangsaan, malangnya kenyataan yang dilihat filem-filem berbentuk apa pun yang ditayangkan seluruh negara bukannya dalam Bahasa Kebangsaan, tambahan pula sekarang ini kebanyakan boleh dikatakan keseluruhan panggung wayang dikuasai oleh organisasi-organisasi yang tertentu yang tidak memberi galakan kepada pengusaha filem tempatan menggunakan panggung wayang mereka seperti yang ada sekarang ini. Kita dapat tahu kalau filem-filem itu diusahakan oleh filem tempatan yang hendak menggunakan panggung wayang kepunyaan organisasi yang besar-besar ini, mereka ada di antaranya cuma sanggup memberi 10% sahaja hasil daripada jualan tiket filem tersebut, setinggi-tingginya sebanyak 40% dan itu pun tidak diberi kepada panggung-panggung yang mempunyai kedudukan yang baik. Sebagai contoh di Kuala Lumpur ini kita tengok Panggung Coliseum yang penuh dengan pijat-pijat dan sebagainya dan begitu juga betapa sakitnya yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha filem tempatan. Jadi saya berharap sangat kepada pihak Kementerian dalam membesarkan rancangan Filem Negara ini, hendaklah juga menggalakkan dan memberi pertolongan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan demi untuk kepentingan negara dalam bentuk perpaduan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

6.03 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian dalam B. 45, muka surat 357, Aktiviti (3)—Pelesenan.

Apa yang kita tahu mengenakan lesen kepada radio dan TV membawa income kepada Kerajaan. Tetapi mengenakan terlalu tinggi lesen radio, membawa kerugian kepada Kerajaan sendiri. Kalau dapat diturunkan murah maka banyak orang membayarnya, kerana \$12 bagi orang-orang yang duduk di luar bandar, mereka ada radio yang kecil-kecil, boleh sembunyikan rata sahaja. Kalau kita pergi pun kita tidak jumpa ataupun ada pegawai penguatkuasa tidak jumpa oleh

kerana terlalu berat baginya membayar \$12. Kalau kita turunkan setengah \$6 mungkin mereka bayar, ada untung bagi Kerajaan.

Dalam B. 47, muka surat 377 berhubung dengan Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat. Peruntukan sebanyak \$6,805,400.50 bagi Semenanjung Malaysia. Saya bersetuju dengan Kerajaan walaupun parti Pembangkang (*Ketawa*). Tetapi untuk memberikan perkhidmatan luar bandar supaya orang-orang luar bandar pun boleh dapat pengetahuan sedikit sebanyak, macam mana hendak menjadi manusia yang baik sebagaimana orang bandar. Tetapi apa yang saya berasa tidak sedap hati kadangkala di salahgunakan perkhidmatan ini kepada tujuan-tujuan tertentu.

Di waktu-waktu pilihanraya, banyak sangat yunit penerangan pergi merata-rata kampung. Tetapi sekarang ini tidak nampak pula. Sepatutnya perkhidmatan ini dijalankan sentiasa, sebab orang-orang kampung, orang-orang luar bandar dahaga dengan gambar, mereka hendak tengok TV maklumlah di luar bandar sekarang electricity pun tidak sampai lagi. Kalaulah yunit penerangan ini datang menunjukkan macam mana keadaan apa Kerajaan telah buat, itu ada baiknya, jangalah nanti waktu pilihanraya sahaja banyak ditunjukkan gambar kempen-kempen pula, kempen sedikit, saya tidak susah hati, banyak sangat (*Ketawa*). Kadangkala waktu kita parti Pembangkang hendak buat ceramah, mereka tahu kita hendak buat ceramah di kampung itu, waktu maghrib mereka pun sampai. Jadi mereka semua tengok tayangan gambar, tidak dengar kempen parti Pembangkang ini. Itu saya berharap sangat supaya perkara ini disusun dan diatur dengan baik, jangan ada penyalahgunaan. Ini adalah penting dan baik kepada orang-orang luar bandar.

Masalah di bawah Aktiviti (3) Akhbar dan Perhubungan. Saya tidak tahu di bahagian mana satu pemberita yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada waktu dia melawat Amerika baharu-baharu ini, barangkali daripada Jabatan Penerangan, sebab untuk melaporkan balik apa yang dibuatkan iaitu tentang soal perhubungan, soal perdagangan yang dibuat

oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada Malaysia ini. Saya dengar pemberita itu bercakap Bahasa Kebangsaan tetapi tidak tahu apa yang dicakapkannya. Apa yang saya harapkan kalau hendak dibawa pemberita keluar negeri untuk melaporkan balik ke negeri ini, carilah yang agak-agak sedap kita dengar dan faham rakyat jelata.

Dato Mohamed bin Rahmat: Cerita ini daripada suratkhbar, radio atau T. V.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Ini saya membaca Yang Berhormat. Dalam B. 46 muka surat 371, Butiran (45) di bawah tajuk Televisyen Semenanjung Malaysia, Mengadakan Siaran Televisyen Berwarna di Malaysia. Sekarang ini testing time barangkali pukul 12.00 ke atas. Jadi apa yang saya harap gambar yang ditunjukkan itu janganlah yang terlalu menjolok mata. Walaupun budak-budak sudah tidur, tetapi ada juga yang tidak tidur, dia hendak tengok juga. Ini membawakan tidak berapa baik. Itulah sahaja yang saya hendak bangkitkan sedikit sebanyak.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.09 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, dalam menyokong perbelanjaan Kementerian Penerangan ini, saya menumpukan kepada B. 47, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat. Sebenarnya pihak masyarakat kita belum lagi mengetahui dan menerima penerangan Kerajaan yang tegas tentang kedatangan Vietnam ataupun pendatang haram Vietnam ini ke Malaysia. Pihak Kerajaan belum lagi menerangkan perkara ini secara menyeluruh, bukan sahaja di dalam negeri kita, tetapi juga di luar negeri tentang apa yang sebenarnya berlaku.

Saya berharap pihak Kementerian ini akan menggunakan akhbar, akan menggunakan penerangannya dan juga akan menggunakan Televisyen untuk menerangkan apa yang berlaku tentang pendatang haram ke Malaysia. Kerana di luar bandar, misalnya, di Kelantan, keadaan sekarang ini bukan sahaja kita mengalami pendatang haram daripada

Vietnam tetapi juga ialah perkara yang ditimbulkan di dalam masyarakat kita. Sekarang ini dalam masyarakat di luar bandar telah timbul bahawa Kerajaan Barisan Nasional sekarang telah pun membawa masuk bukan sahaja orang China luar daripada Kelantan tetapi juga telah dibawa masuk daripada Vietnam.

Ini telah pun timbul dalam masyarakat kita di Kelantan oleh penerangan-penerangan yang dibawa oleh ahli-ahli politik yang tidak bertanggungjawab ini di seluruh pelusuk di negeri Kelantan sekarang ini. Ini adalah merupakan satu tanggungjawab pegawai penerangan dan juga pihak TV untuk menerangkan kedudukan yang sebenarnya. Kerana ini telah meracuni fikiran rakyat dengan cerita-cerita yang tidak benar oleh pihak pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab ini. Oleh itu, Kerajaan harus menyedari bahawa dendam terhadap darurat negeri Kelantan itu masih ada. Mereka ini telahpun cuba hendak meracuni fikiran rakyat bukan sahaja dari segi ugama sebagai alat politik, tetapi juga dari segi meracuni fikiran rakyat supaya tidak sukakan kepada pendatang Vietnam ini dan menimbulkan huru-hara dalam negeri ini dan seboleh-bolehnya meminta supaya Kerajaan sekali lagi mengisytiharkan darurat dalam negeri Kelantan. Maka inilah cita-cita pemimpin yang ada iaitu pemimpin PAS di negeri Kelantan. Dia cuba bukan sahaja untuk mengelirukan rakyat tentang ugama Islam dengan parti politik tetapi mengelirukan pendatang haram yang datang ke negeri kita ini dengan kempen politiknya dahulu. Pada masa kempen politik dahulu, saya telah timbulkan dalam Dewan ini bahawa sekiranya Barisan Nasional menang di dalam negeri Kelantan, kononnya akan membawa ramai orang-orang China datang ke negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi: Itu apa kena-mengena dengan tajuk ini?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Untuk menerangkan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi: Penerangan itu betullah, tetapi itu sudah melarat jauh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sebenarnya saya minta supaya Pegawai

Penerangan ini menerangkan kedudukan yang sebenarnya. Jadi sekarang orang-orang Vietnam ini telah pun datang, dan penerangan yang dibawa oleh parti-parti politik ini berlainan dengan apa yang berlaku sebenarnya. Dahulu perkara ini telah menjadi kempen politiknya sekarang perkara itu telah terjadi. Jadi, itulah sebabnya Pegawai Penerangan Daerah mesti mengambil tindakan tegas tentang perkara ini supaya tidak meracuni fikiran rakyat.

Dalam Aktiviti (3) iaitu akhbar-akhbar seluruhnya hendaklah menerangkan perkara yang sebenar berlaku; bukan sahaja untuk mendapat publicity, menyebabkan ada juga akhbar-akhbar kita yang menerangkan perkara yang tidak sebenarnya berlaku.

Sebagaimana kita tahu bahawa Malaysia ini merupakan negeri yang kukuh dari segi ekonomi, politik dan sosial serta kedudukannya, tetapi pihak penerangan hendaklah menerangkan kepada rakyat bahawa kedudukan yang begitu, dan Malaysia ini telah pun merupakan matlamat penyerangan orang-orang politik untuk menghancurkan kedudukan yang ada pada kita. Jadi penerangan seperti ini bukan sahaja ditumpukan di luar bandar seperti saya katakan tadi tetapi juga dalam bandar; iaitu kepada masyarakat China. Mungkin apa yang dibuat oleh parti DAP menyatakan peri kemanusiaannya maka penerangan di sebalik peri kemanusiaan yang dinyatakan oleh DAP itu, mestilah diterangkan kepada masyarakat China bahawa kedatangan pendatang haram ini akan membawa satu masalah kepada Negara dan juga patut menerangkan bahawa ini akan mendatangkan satu masalah besar kepada ekonomi, masalah sosial, masalah keselamatan dan masalah-masalah lain yang akan timbul, yang akan merampas hak-hak rakyat terutama rakyat dalam bandar oleh sebab pendatang haram yang dikatakan tadi. Kerana mereka ini sudah tentu akan diracuni oleh parti Pembangkang iaitu parti DAP sekiranya aktiviti-aktiviti penerangan tidak diadakan. Nampaknya DAP seperti saya katakan tadi; sekarang ini mereka telah menanamkan kepada fikiran masyarakat China dalam bandar bahawa yang datang ini ialah orang China, kita patut berpersi kemanusiaan, mereka datang dengan anak-anak kecil. Jadi penerangan yang sebenar harus

kita terangkan kepada mereka bahawa kedatangan mereka ini akan mengancam kedudukan kita bukan sahaja orang China, bukan sahaja orang Melayu, bukan sahaja orang India tetapi semua rakyat negeri ini. Kita tidak mahu satu masa nanti kedatangan mereka ini akan merupakan satu masalah besar sebagaimana kedatangan orang-orang India di Britain satu masa dahulu yang merupakan pelarian, tetapi sekarang ini mereka telah menuntut hak yang sama, dan maksud yang lain pula setelah bertahun-tahun mereka tinggal di situ. Kita minta penerangan itu disampaikan kepada masyarakat China atau masyarakat lain yang ada di dalam bandar.

Satu lagi saya suka menyentuh tentang bahagian penerangan juga Aktiviti (2)—Penerangan Sivik. Sebenarnya Penerangan Sivik di kampung-kampung yang pernah saya alami bahawa tidak merupai penerangan sivik yang sebenarnya.

Kadang-kadang pejabat itu mengumpulkan ketua-ketua pejabat untuk menerangkan aktiviti pejabat itu walaupun itu merupai sebahagian daripada sivik tetapi rakyat tidak memahami apa sebenarnya yang diterangkan oleh pegawai yang berkenaan, kerana unsur-unsur sivik yang sebenar ataupun pengajaran yang sebenarnya kepada masyarakat ialah sepatutnya untuk mengetahui apakah peranan tiap-tiap masyarakat dalam negaranya, itu adalah lebih penting. Kadang-kadang masyarakat tidak faham soal apakah sumbangan yang harus diberi kepada negara ini atau apakah perpaduan ataupun keselamatan yang harus diberikan di dalam ceramah-ceramah sivik itu. Kadang-kadang dalam perhimpunan sivik itu tiap-tiap pegawai itu menceritakan apa-apa yang dibuat tetapi tidak ada pun menyentuh soal sivik yang dikehendaki oleh masyarakat di dalam peranannya sebagai seorang rakyat di Malaysia ini. Jadi kalau itulah merupakan sivik atau penerangan sivik, maka akan menjemukan kepada rakyat yang hendak mendengarnya.

Mengenai bahagian B. 46—Penyiaran. Saya juga minta supaya pihak Penyiaran ini menitikberatkan, kalau Kerajaan menentang penggunaan dadah, maka sekarang ini patut dibuat satu siberan melalui penyiaran menen-

tang pendatang haram itu. Buatlah satu siaran dengan besar-besaran menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia menentang pendatang-pendatang haram ini dan mesti dibesar-besarkan cerita sebenar dan rakyat mesti berjaga-jaga supaya rakyat di tepi pantai jangan menerima kedatangan mereka yang tidak dikenali. Rakyat di tepi pantai dan juga rakyat dalam kampung, janganlah hendaknya mendengar khabar-khabar angin yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin politik, kerana pemimpin-pemimpin politik ini seperti saya katakan tadi ia meracuni fikiran rakyat. Jadi, bagaimana cara Kerajaan menentang konfrantasi dari Indonesia dahulu dengan penerangan melalui TV, Radio dan sebagainya, begitulah hendaknya saat sekarang ini untuk menentang pendatang haram ini. Itulah harapan saya kepada Pejabat Penerangan dalam jangan segera.

Berhubung dengan B. 46, Aktiviti (2) juga dari segi Rancangan. Kebanyakan rancangan TV yang disukai oleh rakyat, disukai oleh penuntut-penuntut luar bandar, tetapi kadang-kadang, ketika sedap tengok rancangan dua tiga siri ataupun dua tiga kali kita tengok maka rancangan itu dibatalkan. Kalau kita tanya pihak berkenaan kadang-kadang rancangan itu dibatalkan oleh pihak Penerbit Rancangan itu atau katanya mengikut selera pentadbirnya. Jadi, saya mintalah rancangan-rancangan yang disukai oleh rakyat terutama rancangan-rancangan Melayu yang boleh memberi; kalau tidak pengajaran, hiburan pun tidak apa kepada rakyat, kerana rakyat luar bandar ini kadang-kadang kurang hiburannya. Kalau kita tengok malam Jumaat di mana-mana TV penuh dengan rakyat berduyun-duyun datang hendak menengok cerita Melayu tetapi malangnya cerita-cerita Melayu itu dibawa daripada Indonesia; seolah-olah negara kita tidak ada perfileman yang cerita Melayu sebenarnya daripada negeri kita. Kadang-kadang kata rakyat kita di kampung, kalau cerita Melayu lama pun tak mengapa asalkan cerita Melayu yang sebenar bukan cerita Indonesia, kerana cerita Indonesia ini percakapannya pun banyak yang tidak faham. Saya berharap perkara filem Melayu ini mendapat perhatian yang sewajar kerana seperti kata saya tadi bukan sahaja pengajaran, tetapi juga hiburan yang rakyat berkehendakkannya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

6.20 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, Kementerian Penerangan ini adalah satu Kementerian yang penting dan oleh kerana pentingnya kadang-kadang setengah negara tidak elok pun kata orang jadi elok dan sebaliknya dan saya akan menyentuh muka surat 363, Maksud B. 46, Aktiviti (2) Rancangan.

Saya suka mengesyorkan kepada Jabatan Penyiaran, sekiranya boleh ditimbang iaitu kita gunakan rancangan TV Malaysia kita itu dengan satu saluran sahaja iaitu Saluran Kebangsaan. Jadi segala rancangan baik dalam Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa China, bahasa Tamil sampaikan melalui satu saluran dan dengan kerana itu panjangkanlah masa siaran itu. Dalam pada itu dapatlah menghilangkan rasa bahawa ada saluran 1 untuk Bahasa Malaysia, saluran 2 untuk Tionghua dan lain-lain. Jadi kita menumpukan satu siaran Kebangsaan sahaja.

Dengan cara itu mudah-mudahan kita akan dapat mencapai perasaan perpaduan walaupun dengan kerana itu mungkin ada orang yang menyoalkan masa terlalu panjang, tetapi ada baiknya supaya bila dalam rancangan Tionghua umpamanya orang Tionghua tengok, dalam rancangan Inggeris barangkali semua orang tengok dan sebagainya. Memberi peluang juga kepada penonton-penonton atau kanak-kanak, tidak seterusnya menengok TV sepanjang persembahan. Dan boleh juga diadakan saluran lain dua tiga tetapi bukanlah saluran kerana mengikut kaum. Boleh barangkali saluran 2 mengenai perdagangan, saluran 3 mengenai pendidikan dan sebagainya mengikut apa yang patut dipertimbangkan dan mudah-mudahan dengan ini akan hilang rasa perkauman.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan bacaan Quran. Alangkah baiknya jika bacaan Quran itu kita beri peluang kepada johan-johan Quran kita peringkat Kebangsaan atau peringkat Antarabangsa jadikan mereka pembaca Quran yang tetap dalam TV atau Radio Malaysia sebagai satu penghargaan dan juga

dapat kita persembahkan bacaan yang lebih memuaskan, sepertimana juga telah dibuat dalam setengah-setengah negara Islam.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka bercakap dalam muka surat 373, B. 47, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat. Ini patutlah kita teruskan dan giatkan dengan memberi ceramah-ceramah dan kursus-kursus terutamanya kepada semua kaum kerana sebagaimana yang kita maklum bahawa perasaan perpaduan belumlah dapat kita capai seluruhnya. Kita harapkan melalui Jabatan Penerangan atau Kementerian Penerangan inilah kita akan mencapai perpaduan dan satu daripadanya ialah dengan cara memberi kursus-kursus Sivik dan lain-lain yang seumpamanya kepada semua kaum malah sudah sampai masanya dititikberatkan kepada yang bukan Bumiputra.

Pada akhirnya saya suka mengulangi mengenai Pentadbiran Am Jabatan Penerangan ini. Saya rasa pada ketika kita menghadapi pendatang-pendatang haram ini patutlah dan sudah kenalah pada masanya dan ketikanya dikehendaki supaya Jabatan Penerangan ini dapat memberi penerangan yang cukup meluas dalam negeri dan juga luar negeri disertai juga dengan gambar-gambar dan segala perkara yang berlaku dari satu masa ke satu masa supaya rakyat kita dalam negeri dapat mengetahui dan juga dunia dapat mengetahui dengan lebih jelas apa yang sedang berlaku di negara kita.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.25 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Saya menyentuh B. 45 berkenaan dengan Filem Negara Malaysia.

Tuan Pengerusi, pertama saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan khasnya kepada Menteri yang berkenaan yang pada 25 haribulan ini telah ada satu pertandingan atau pertunjukan Filem-filem ASEAN yang telah diadakan di Kuala Lumpur tetapi malangnya bagi saya sendiri dan beberapa orang kawan-kawan tidak dapat hadir kerana keadaan tidak mengizinkan pada hari itu. Kalau tidak

bolehlah dapat tengok bintang-bintang filem yang datang daripada ASEAN termasuk juga Malaysia. Tetapi yang saya titikberatkan di sini, di samping kita mengadakan pertunjukan atau apa yang telah diadakan bermula 25 haribulan itu berkenaan dengan Filem-filem ASEAN, saya berharap biarlah kalau boleh apa yang kita buat itu kita adakan juga dalam TV misalnya. Ini yang saya berasa pelik sedikit, kalau kita ada pergabungan misalnya seluruh ASEAN kita panggil semua orang-orang dalam ASEAN, kita menunjukkan filem yang mana filem baik dan yang mana menjadi bintang filem yang baik, penyanyi yang baik dan sebagainya tetapi bila masuk dalam TV yang kita gunakan hari-hari, dia terbalik. Jadi yang banyaknya dalam TV yang bercorak Barat—minta maaf, Tuan Pengerusi, kerana ini telah dijawab oleh Menteri yang berkenaan, katanya kalau tidak silap saya, 55% ataupun 45%, yang lain itu ialah yang dimiliki ataupun yang ditunjukkan apa yang ada dalam negara kita. Tetapi kalau ditibangkan balik kepada penduduk negara kita, saya ingat dan saya yakin Menteri bersetuju dengan saya, orang daripada Barat yang kita tunjukkan dalam siaran TV dan sebagainya harus tidak ada 10% tetapi apa yang ada dalam rancangan TV kita hari ini lebih kurang 45% ataupun 55% yang biasa disebut oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dalam masa Ucapan Belanjawan, kalau tidak silap saya di masa yang lepas. Dengan sebab itu saya berharap di sini sesudahnya kita menggalakkan filem-filem ASEAN masuk ke sini, maka tempat-tempat yang ditunjukkan dalam filem-filem Barat segala filem Cowboy dan sebagainya digantikan dengan filem-filem ASEAN. Barulah bersesuaian dengan apa rancangan sebagaimana kita buat pada 25 haribulan yang lepas.

Saya berharap juga dalam filem-filem yang akan ditunjukkan ini, kalau boleh diubahkan dengan bahasa kita iaitu Bahasa Malaysia. Tidak tahulah saya kalau tidak sesuai tetapi yang saya hairan negara Thai. Negeri saya dekat dengan Thai, Tuan Pengerusi, dan Menteri pun tahu, saya hairan negeri Thai ini sediakala apa filem pun dia tunjukkan, dia berasa bangga dengan cakap bahasa Thai. Jadi kita takkan tidak boleh bangga dengan Bahasa Kebangsaan kita,

tidak leceh saya ingat Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan kita ini.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Perbahasan ini akan disambung lagi esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga hari esok, 29hb November, 1978 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.